



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN PARLIMEN 2024



DISEDIAKAN OLEH:
Bahagian Dasar dan Perancangan (BDP)
JPNIN, KPN

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA
BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Puan Rodziah binti Ismail
[Ampang]**

TARIKH : 12/3/2024 (Selasa)

SOALAN 5

YB Puan Rodziah binti Ismail minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan dasar dan mekanisme yang ditetapkan dan diguna pakai bagi mengimbangi agenda dan tuntutan dua objektif yakni kesepaduan sosial dan integrasi nasional ketimbang pewujudan lebih banyak Tabika Perpaduan, satu program pendidikan awal kanak-kanak di kawasan bandar dan pinggir bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tabika Perpaduan mula diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat, Lembaga Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pada ketika itu Lembaga Perpaduan Negara telah dipertanggungjawabkan ke atas semua perkara berhubung dengan soal-soal perhubungan kaum dan perpaduan negara. Sebanyak 25 buah kelas Tabika Perpaduan diwujudkan sebagai projek rintis di pinggir bandar dan bandar. Matlamat utama penubuhannya pada ketika itu adalah untuk memupuk semangat muhibah dan perpaduan antara kaum.
2. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan tiada sebarang keciciran bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun untuk menerima pendidikan separa formal iaitu pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga kini Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan diseluruh negara yang memberikan didikan awal kepada lebih 37,000 orang.
3. Seiring dengan keperluan semasa, konsep Tabika Perpaduan telah dimantapkan dengan memberi tumpuan kepada **penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni** bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun.
4. Perkara ini adalah selari dengan penggubalan **Dasar Perpaduan Negara** yang menggariskan tiga (3) teras utama perpaduan iaitu:

- i. Melahirkan masyarakat yang patriotik dan cintakan negara;
 - ii. Membentuk identiti nasional; dan
 - iii. Memperkukuhkan ekosistem perpaduan.
5. Justeru Objektif Kementerian dalam menyediakan perkhidmatan Tabika Perpaduan adalah sebagaimana digariskan dalam Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 seperti berikut:
 - i. Membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan,
 - Murid dapat menunjukkan semangat cintakan negara
 - Murid dapat meraikan kepelbagaian kaum dan etnik yang ada di negara kita.
 - ii. Membentuk kemenjadian murid dan memperkembangkan konsep sendiri.
 - Murid berpotensi untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta responsif dalam sesi pembelajaran.
 - Murid menampilkan peribadi dan perwatakan yang positif.
6. Dalam memperkasakan peranan Tabika Perpaduan sebagai tapak integrasi, Modul Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai perpaduan diterapkan dalam setiap program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk membentuk murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan serta menjiwai nilai-nilai murni untuk dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.

7. Pihak KPN sedang melaksanakan kajian keberkesanan pelaksanaan program Tabika dan permintaan penduduk terhadap perkhidmatan Tabika Perpaduan. Ini bagi memastikan penubuhan pengoperasian Tabika adalah mengikut keperluan dan permintaan penduduk setempat.
8. Kementerian Perpaduan Negara akan terus melipat gandakan usaha pemupukan perpaduan dalam menyemai benih-benih perpaduan bermula di peringkat awal persekolahan dalam memastikan kelestarian keharmonian, kemakmuran dan seterusnya pencapaian pembentukan masyarakat MADANI bermula di peringkat awal persekolahan. KPN juga sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan kolaborasi bersama pelbagai pihak yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha meningkatkan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat bagi memastikan kanak-kanak mendapat akses pendidikan prasekolah.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Evolusi Tabika Perpaduan (1976 – 2021)

Tahun	Evolusi TP	Penjelasan
1976	Memupuk Semangat Muhibah	• Projek Rintis : 25 Buah Tabika • Penubuhan di kawasan pinggir bandar dan bandar
1997	Pemasyarakatan Tabika Perpaduan	• Peningkatan penubuhan Tabika Perpaduan kepada 1,073 Kelas • Penubuhan di kawasan pinggir bandar dan bandar • Mula memperkenalkan Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) terdiri dari Ibu Bapa yang berperanan untuk menjalinkan kerjasama dengan guru bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti di luar kelas bersama komuniti
2021	Semangat Cintakan Negara dan Perpaduan	• Peningkatan penubuhan Tabika Perpaduan kepada 1,781 Kelas • Penubuhan di kawasan pinggir bandar dan bandar

MAKLUMAT TAMBAHAN

Modul Dan Program Berteraskan Rukun Negara Dan Perpaduan Yang Diterapkan Dalam PdP Tabika Perpaduan:

1. Modul Pendidikan Rukun Negara:

Modul Pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan bertujuan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di peringkat awal usia kanak-kanak.

Murid Tabika Perpaduan diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian dan meraikan kepelbagaian kaum yang ada dalam persekitaran mereka.

2. Modul Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa:

Pengajaran Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan dan Bahasa Iban disediakan di Tabika Perpaduan. Pengajaran kepelbagaian bahasa kepada murid di Tabika Perpaduan ini membolehkan murid bertutur dengan penggunaan perkataan asas bahasa ibunda rakan mereka dari kaum yang berlainan dan secara tidak langsung akan dapat mengeratkan lagi hubungan mereka.

Selain daripada itu pengajaran bahasa isyarat juga di perkenalkan untuk membolehkan murid Tabika Perpaduan boleh berkomunikasi dengan rakan OKU mereka dalam komuniti.

3. Modul Jom Urus Diri:

Program ini memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah. Pengajaran Modul Jom Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

4. Penerapan Elemen Kenegaraan dan Perpaduan di Buku Aktiviti:

PdP yang berasaskan elemen perpaduan dan nilai murni menerusi setiap buku aktiviti diterjemahkan menerusi gambar seperti masyarakat berbilang kaum di Malaysia, pakaian tradisional pelbagai kaum, alatan permainan tradisional pelbagai kaum dan seumpamanya. Program ini merupakan usaha membimbing dan membentuk murid mengetahui serta memahami kepelbagaian kaum, budaya, adat resam dan agama yang terdapat di negara kita.

5. Modul Kursus Dan Latihan Guru Tabika Perpaduan:

Kursus dan latihan bagi peningkatan pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang lengkap merangkumi keseluruhan bidang tugas guru disediakan sebagai usaha memastikan guru Tabika Perpaduan memiliki pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan persekitaran dan kehendak semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Dato Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
[Langkawi]**

TARIKH : 6/3/2024 (Rabu)

SOALAN 6

YB Dato Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini serta apakah jenis program yang efektif yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** merupakan satu-satunya **indeks pengukuran tahap perpaduan** yang boleh digunapakai oleh kerajaan Malaysia bagi **melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia**. Ukuran nilai indeks ini membolehkan Kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program-program intervensi yang berkaitan.
2. **IPNas 2018** dijalankan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan dikawal selia oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Manakala **IPNas 2022** dikendalikan **sepenuhnya oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN)** dimana urus setia kajian adalah IKLIN.
3. **Skor Indeks Perpaduan Nasional** pada tahun **2018** ialah **0.567**, manakala **Skor Indeks Perpaduan Nasional** pada tahun **2022** ialah **0.629**. Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0-0.24), tahap perpaduan rendah (0.25-0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50-0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.75-1.0). Skor IPNas 2022 menunjukkan bahawa situasi perpaduan negara berada pada tahap **sederhana dan terkawal**.

4. **Kesepaduan Sosial dijadikan sebagai komponen asas** kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini. Melalui kajian IPNas 2022, empat (4) indikator mempengaruhi **tahap kesepaduan sosial** iaitu:

(i) Tahap Keetnikan

Kecenderungan terhadap keterikatan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

(ii) Hubungan Sosial Rentas Etnik

Jalinan hubungan sosial yang berlaku merentasi etnik.

(iii) Etos Bangsa (Jati Diri)

Keterikatan emosi dan sejarah sosial yang dikongsi bersama dalam Perlembagaan, tadbir urus dan pembangunan bagi menjamin kesepaduan hingga lahir semangat patriotisme dan nasionalisme yang melangkau etnik agama dan wilayah.

(iv) Tadbir Urus dan Pembangunan

Pelaksanaan proses mengurus dan membangun negara oleh pihak yang berkuasa.

5. Di antara keempat-empat indikator yang diuji dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan ini, **Tadbir Urus dan Pembangunan didapati paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia (skor 0.328)**. Oleh itu, inisiatif berhubung konstruk ini harus diteruskan dan ditambahbaik bagi meningkatkan Indeks Perpaduan Nasional.

6. Malah dapatan IPNas 2022 juga menunjukkan **indikator hubungan sosial rentas etnik** perlu diberikan perhatian serius kerana berlaku penurunan ketara pada tahun 2022 berbanding tahun 2018 daripada 0.132 kepada 0.045 iaitu penurunan sebanyak 0.087.
7. Kementerian telah menyusun perancangan inisiatif yang lebih bersepadu bagi meningkatkan Indeks Perpaduan melalui **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** iaitu dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan dalam Kepelbagaian” untuk melestarikan keharmonian masyarakat berbilang bangsa di negara ini.
8. DPN menggariskan tiga objektif utama iaitu:
 - mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
 - membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; serta
 - melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.
9. KPN turut telah menghasilkan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** yang meliputi tiga (3) kluster program iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah** bagi menyepadukan pelaksanaan program-program perpaduan, kenegaraan, pembangunan komuniti, kesukarelawan dan warisan budaya.

10. Pada tahun 2023, KPN bersama agensi-agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan **sebanyak 661 program** meliputi tiga kluster seperti yang dinyatakan tadi. Program-program tersebut akan terus dipergiatkan lagi pada tahun ini melalui inisiatif berikut:

- **Pemeriksaan Rukun Tetangga (RT) Progresif**

- Memperkasa RT sebagai jentera utama perpaduan negara melalui transformasi daripada hanya bertumpukan aspek keselamatan "*neighbourhood watch*" kepada lapan bidang tumpuan baru (ekonomi sara hidup; keselamatan dan ketahanan komuniti; kepemimpinan; kesejahteraan komuniti; pembelajaran sepanjang hayat; alam sekitar; warisan dan budaya serta daya cipta)

- **Meremajakan Skim Rondaan Sukarela (SRS)**

- Meremajakan SRS merupakan inisiatif untuk menarik golongan muda menyertai SRS. Antara inisiatif baharu adalah penggunaan aplikasi MySRS, penggantian peralatan baharu SRS yang berteknologi dan agihan geran pentadbiran.

- **Mengangkasa Mediator Komuniti**

- Sehingga kini, terdapat seramai 564 Mediator Komuniti bertauliah di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang merangkumi seramai 163 Pegawai Perpaduan, 379 AJK KRT dan 22 NGO. Inisiatif Mengangkasa Mediator Komuniti:

- pindaan ke atas Akta Rukun Tetangga 2012 akan dilaksanakan pada tahun ini termasuk penyediaan Peraturan-Peraturan Mediasi Komuniti di bawah Akta Rukun Tetangga.
- memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui penubuhan pusat mediasi di negeri Perlis, Melaka dan Putrajaya.

- **Penghayatan Rukun Negara**

- Melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat supaya ia menjadi amalan hidup seharian. Antara inisiatif yang dilaksanakan:

- a. Eksplorasi Rukun Negara
- b. Program Raja Kita
- c. Raja Kita, Payung Kita
- d. Pameran Arkib Diraja: Simbol Perpaduan Negara
- e. Konvensyen Sekretariat Rukun Negara
- f. Pemberian Geran RM 3000 kepada semua SRN di IPT
- g. Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah
- h. Kem Anak Malaysia

- **Membangunkan Malaysia sebagai Hub Sukarelawan**

- Usaha dalam menjadikan Malaysia sebagai hub kesukarelawan global yang mampu melahirkan

pemimpin sukarelawan (*Volunteer Leaders*).
Yayasan Sukarelawan Siswa akan melaksanakan:

- 7 misi sukarelawan (Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Laos, Thailand dan Vietnam)
- Membangunkan Dasar Sukarelawan Nasional
- Duta Perpaduan (50 Duta Perpaduan akan dilantik tahun ini)

- **Meningkatkan keharmonian antara penganut agama**

- Bagi menjayakan agenda keharmonian antara penganut agama melalui Inisiatif Harmoni MADANI yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Antara aktiviti:

- Bicara Harmoni
- Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama
- Jejak Harmoni
- Dokumentasi Harmoni
- Sambutan Hari Toleransi Sedunia
- Sambutan Minggu Harmoni Sedunia
- Interfaith-Dialog

11. Proses penyatupaduan berlandaskan tapak integrasi yang aktif dan inovatif memerlukan penyelarasan yang efisien pada semua peringkat termasuk persekutuan dan negeri serta lapisan masyarakat bermula inivididu, keluarga dan komuniti. **Pemantauan**

berkala melalui kajian indeks seperti IPNas ini boleh membantu memperkukuh peranan setiap pembolehdaya.

12. Kajian IPNas seterusnya akan dilaksanakan pada tahun ini dengan **target skor meningkat kepada 0.7 pada tahun 2025.** Kementerian meletakkan harapan tinggi agar perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dapat terus diperkukuh sekaligus meminimalkan pertikaian antara etnik di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Dr. Hajah Halimah Ali
[Kapar]**

TARIKH : 6/3/2024 (Rabu)

SOALAN 45

YB Dr. Hajah Halimah Ali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- (a) Insiden-insiden berunsur perkauman mengikut negeri mengikut laporan polis dan apakah punca insiden tersebut; dan
- (b) Perancangan khusus Kementerian bagi meningkatkan pemahaman dan penghayatan orang ramai terhadap prinsip Rukun Negara.

JAWAPAN A

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Sistem e-Sepakat** telah diperkenalkan pada tahun 2009 sebagai mekanisme dalaman Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bertujuan untuk gerak kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital bagi menggantikan kaedah manual. Sistem ini juga berfungsi dalam membantu agensi untuk **memantau tahap dan iklim perhubungan antara kaum** ke atas isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian di dalam negara.
2. Sistem E-Sepakat terdiri daripada **tiga (3) komponen** yang penting iaitu;
 - **i-Kes** : Pelaporan Isu Perpaduan berkaitan dengan pengesanan dan pemantauan ke atas isu/konflik/ insiden yang telah berlaku.
 - **i-Ramal** : Mekanisma bagi menentukan kesahihan atau kebolehpercayaan maklumat tersebut akan dirujuk kepada agensi yang berkaitan seperti MKN, PDRM, pihak berkuasa tempatan dan Biro Pengaduan Awam.
 - **i-Mediator** : Pangkalan data utama bagi pengurusan dan perkhidmatan berkaitan Mediasi Komuniti yang merupakan yang merangkumi maklumat mediator, sistem pelaporan kes mediasi dan penilaian keaktifan mediator.

3. Sepanjang tahun 2023, terdapat sebanyak **638 insiden berunsur perkauman telah dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).**
4. Berdasarkan statistik tersebut, **Negeri Selangor mencatat insiden paling tinggi iaitu 170, diikuti Johor 110 insiden, Perak 97 insiden dan Pulau Pinang 80 insiden.** Antara punca kepada insiden ini adalah aktiviti gangsterism, gangguan bunyi bising, mabuk, pemanduan dan kemalangan jalan raya, perbuatan jenayah, perbuatan atau kata-kata jelik, provokasi agama dan perkauman, tuntutan hutang, haiwan peliharaan, cemburu terhadap wanita dan ketidakpuasan terhadap perkhidmatan atau fasiliti.
5. Kementerian menyelesaikan isu-isu perpaduan melalui **Mediator Komuniti** yang merupakan salah satu lagi jentera perpaduan yang memainkan peranan cukup penting dalam menyatupadukan perpaduan kaum dan membantu memelihara keharmonian masyarakat khususnya di kawasan komuniti sebagai Pendamai Masyarakat.

JAWAPAN B

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, **pada 25 Julai 2023 Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan agar ikrar Rukun Negara dibaca secara penuh bermula dari cita-cita.** Susulan daripada itu, Kementerian telah melancarkan **Explorasi Rukun Negara** bagi menyebarkan aspirasi Rukun Negara kepada semua segmen masyarakat.
2. Dalam usaha meningkatkan **pemahaman dan penghayatan orang ramai terhadap prinsip Rukun Negara**, maka pelaksanaan program digerakkan melalui strategi berfokus yang terkandung dalam Kerangka Membangun Malaysia MADANI Melalui Konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian antaranya:
 - i. Meningkatkan literasi pemahaman dan penghayatan Perlembagaan dan Rukun Negara;
 - ii. Meningkatkan pemahaman dan penghayatan Sejarah Malaysia; dan
 - iii. Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik.
3. **Penerapan nilai-nilai perpaduan dan hidup bermasyarakat diberikan kepada kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun di Tabika Perpaduan (TP).** Modul Pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam program Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) di Tabika Perpaduan dalam usaha menyemai benih-benih perpaduan di peringkat awal persekolahan. Pada tahun ini, Kementerian juga

akan mengadakan **Simposium Pendidikan Rukun Negara** bagi memperkenalkan modul Rukun Negara kepada prasekolah, Tadika Kemas dan tadika swasta.

4. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan kerjasama bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha penerapan Rukun Negara di sekolah melalui **penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan institut pengajian tinggi melalui penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN)**. Sehingga Disember 2023 terdapat sebanyak **6,849 KRN di sekolah dan 189 SRN di IPT** seluruh negara.
5. Kementerian menerusi agensi akan **melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara** dalam kalangan rakyat supaya ia menjadi amalan hidup seharian. Antara inisiatif atau program yang akan dilaksanakan pada tahun ini adalah:
 - Jelajah Belia Rukun Negara
 - Program Raja Kita
 - Raja Kita, Payung Kita
 - Pameran Arkib Diraja: Simbol Perpaduan Negara
 - Konvensyen Sekretariat Rukun Negara
 - Pemberian Geran RM 3000 kepada semua SRN di IPT
 - Kem Anak Malaysia

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Syahredzan bin Johan
[Bangi]**

SOALAN 64

YB Tuan Syahredzan bin Johan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk mewujudkan lebih banyak Tabika Perpaduan di dalam kawasan Parlimen Bangi serta pertimbangan dan prosedur kementerian dalam mewujudkan tabika perpaduan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Pendidikan Kebangsaan berkaitan pendidikan pra sekolah bertujuan untuk memastikan kanak-kanak di Malaysia yang berumur 4 hingga 6 tahun mendapat pendidikan pra sekolah sama ada yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan dan memastikan pematuhan kepada penggunaan Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) disemua institusi pra sekolah kecuali di pra sekolah antarabangsa dan ekspatriat.
2. Sehingga kini, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan Tabika Perpaduan diseluruh negara yang memberikan didikan awal sebanyak 37,000 orang murid bagi sesi persekolahan 2024/2025. Parlimen Bangi sahaja mempunyai sebanyak 19 buah Tabika Perpaduan dengan bilangan murid sebanyak 390 murid bagi sesi 2024/2025.
3. KPN mengambil maklum dan sentiasa memberi perhatian terhadap permintaan keperluan komuniti dalam memastikan semua murid berpeluang menerima pendidikan yang berkualiti dan menepati matlamat penubuhannya sebagai tapak integrasi untuk menyemai dan memupuk semangat perpaduan semenjak diawal usia empat tahun.

4. Pihak KPN sedang melaksanakan kajian keberkesanan perlaksanaan program Tabika dan permintaan penduduk terhadap perkhidmatan Tabika Perpaduan. Ini bagi memastikan penubuhan pengoperasian Tabika adalah mengikut keperluan dan permintaan penduduk setempat.
5. Antara kriteria pembukaan kelas Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:
 - i. Minimum 200 unit rumah / kediaman atau 500 penduduk dalam kawasan cadangan penubuhan Tabika Perpaduan.
 - ii. Mempunyai premis yang sesuai dan selamat (Kapasiti keluasan kelas memuatkan minimum 25 orang kanak-kanak).
 - iii. Kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai etnik.
 - iv. Mempunyai kanak-kanak yang berumur empat (4) tahun hingga enam (6) tahun dalam kawasan tersebut.
6. KPN sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan kolaborasi bersama pelbagai pihak yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha memastikan kanak-kanak berhak mendapat pendidikan bermula dari kecil bagi membina generasi bangsa Malaysia pada masa akan datang yang bersatu padu. Malah ini juga merupakan salah satu usaha meningkatkan kesedaran kepada ibubapa dan masyarakat bagi memastikan kanak-kanak mendapat akses pendidikan prasekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli
[Batang Lupar]**

SOALAN 69

YB Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada Kawasan Rukun Tetangga di Sarawak termasuk di Parlimen Batang Lupar serta strategi bagi memperhebat peranan KRT ke arah mensejahterakan komuniti setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional memperuntukkan geran berjumlah RM6,000 (Ringgit Malaysia : Enam Ribu Sahaja) bagi setiap KRT setahun. Pada tahun 2023 Kementerian Perpaduan Negara telah memperuntukkan sebanyak RM5,922,000 (Ringgit Malaysia: Lima Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Dua Ribu Sahaja) kepada 987 Kawasan Rukun Tetangga di Sarawak dan di Parlimen Batang Lupar yang melibatkan peruntukan berjumlah RM378,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Tujuh Puluh Lapan Ribu Sahaja) melibatkan 63 Kawasan Rukun Tetangga.
2. Sebagai usaha dalam memperkasakan peranan Rukun Tetangga seiring dengan pelancaran Pelan Pemerkasaan Komuniti Rukun Tetangga 2021 - 2030, Kementerian telah memperkenalkan 4 Agenda Kerja KRT iaitu Agenda Kerja KRT Sejahtera, Agenda Kerja KRT Selamat, Agenda Kerja KRT Sihat serta Agenda Kerja KRT Bersih dan Indah. Melalui pelan ini semua KRT termasuk dalam Parlimen Batang Lupar telah diberi taklimat dan bengkel bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan fungsi dan peranan KRT sebagai peneraju keharmonian, kesejahteraan, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti. Inisiatif pemerkasaan ini memberi penekanan kepada pemantapan kepimpinan komuniti Rukun Tetangga dan pengukuhan program dan aktiviti Rukun Tetangga untuk meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan

penyampaian perkhidmatan Rukun Tetangga kepada komuniti berlandaskan konsep “Daripada Komuniti Kepada Komuniti”.

3. Selaras dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK-12), Kementerian telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan RT sebagai penggerak komuniti progresif melalui lapan (8) bidang tumpuan iaitu:

- i. Ekonomi dan Sara Hidup
- ii. Keselamatan dan ketahanan diri
- iii. Kepimpinan
- iv. Kesejahteraan Komuniti
- v. Pembelajaran Sepanjang Hayat
- vi. Alam Sekitar
- vii. Warisan dan Budaya
- viii. Daya Cipta

4. Dalam pada itu, bagi memastikan peranan KRT memperkasa, mempertingkatkan dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga ke arah membangunkan Komuniti Rahmah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah merancang Program Gerak Rahmah 2024. Pelaksanaan program ini melibatkan beberapa siri aktiviti yang dilaksanakan serentak di seluruh negara yang melibatkan KRT. Ianya bagi menggerakkan komuniti KRT secara bersepadu dan menyeluruh di peringkat komuniti masing-masing. KRT dalam Kawasan Parlimen Batang Lupa juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan program ini. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Gerak Rahmah: Jom Ronda SRS, Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk, Program

Komuniti Rahmah: RT *Cares*, Program Komuniti Rahmah: Dapur Komuniti dan Program Komuniti Rahmah: Gerak Kerja Pasca Banjir.

5. Oleh yang demikian, melalui dasar dan perancangan Kementerian Perpaduan Negara serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi memperkasakan komuniti Rukun Tetangga ianya akan dapat menambahbaik peranan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga bagi memastikan keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan komuniti setempat terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI**

SOALAN 190

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sekiranya Kementerian bercadang untuk menggubal sebuah akta yang dikenali dengan nama Race Relations Act untuk mengawal perhubungan di antara rakyat berbilang kaum di Malaysia khususnya untuk mengambil tindakan terhadap individu-individu yang mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan rusuhan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, hak kebebasan bercakap dan bersuara setiap warganegara di Malaysia dijamin di bawah perenggan (a) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun hak kebebasan bercakap dan bersuara ini tidaklah diberikan secara mutlak dan hendaklah sentiasa diimbangi dengan tanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan awam sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (a) Fasal (2) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.
2. Sekatan terhadap kebebasan bercakap dan bersuara melalui peruntukan undang-undang ini bukanlah suatu yang hanya diperuntukkan di Malaysia sahaja. Malah negara-negara pelopor prinsip demokrasi juga memperuntukkan undang-undang yang berupa sekatan terhadap kebebasan bercakap dan bersuara demi memastikan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan awam di negara masing-masing seperti contoh di United Kingdom adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang diperuntukkan antara lain di bawah Akta yang disebut oleh Yang Berhormat juga iaitu *Race Relations Act 1976* dan selain itu di Australia juga perkara ini adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang diperuntukkan antara lain di bawah *Racial Discrimination Act 1975*.
3. Oleh yang demikian, di Malaysia pula bagi maksud keharmonian negara dan mengawal perhubungan antara rakyat berbilang kaum di Malaysia, mana-mana individu yang mengeluarkan kenyataan yang

boleh menyebabkan rusuhan kaum boleh diambil tindakan di bawah perundangan utama sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*], Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*]. Dalam hal ini, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji
[Jelutong]**

SOALAN 191

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk menjamin dan memastikan bahawa perpaduan kaum di Malaysia terus terjamin, dipupuk dan terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Jelutong kerana membangkitkan pertanyaan mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk menjamin dan memastikan bahawa perpaduan kaum di Malaysia terus terjamin, dipupuk dan terpelihara.
2. Untuk makluman, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang selari dengan aspirasi kerajaan semasa. Pengisian program akan melibatkan setiap lapisan masyarakat dengan penyertaan agensi-agensi baru di bawah Kementerian.
3. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat.
4. Pelaksanaan *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI berdasarkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

5. Tiga (3) kluster program tersebut adalah:

i. Semarak Kenegaraan

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Contoh program:

- a) Citra Nusa@Muzium;
- b) Apresiasi Rukun Negara;
- c) Ini Malaysia Kita: Satu Rasa; dan Lain-lain.

ii. Semarak Perpaduan

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Contoh program:

- a) Sambutan Minggu Perpaduan;
- b) Galeri UNITI;
- c) Showcase Rumah KAMI; dan Lain-lain.

iii. Komuniti Rahmah

Program yang dirancang bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui

penggembleran tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Contoh program:

- a) Bantuan Bakul RAHMAH;
- b) Tuisyen RAHMAH;
- c) Gerak RAHMAH: Jom Ronda SRS; dan Lain-lain.

6. Bagi mengekalkan tahap perpaduan di negara kita, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengerakkan jentera-jentera perpaduan di peringkat akar umbi khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Sejumlah 8,397 KRT menjadi barisan hadapan bagi menjalankan aktiviti dalam meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan serta keharmonian dalam masyarakat setempat.
7. Dengan usaha-usaha tersebut, diharap agenda perpaduan negara dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan impak terhadap usaha-usaha tersebut dapat melahirkan masyarakat harmoni dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB Tuan Sabri bin Azit [Jerai]

SOALAN 202

YB Tuan Sabri bin Azit minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah perlu bagi mengekang dan mengharmonikan antara kaum di Malaysia agar tidak berlaku pertelingkahan yang melibatkan agama dan budaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Jerai kerana membangkitkan pertanyaan ini mengenai langkah-langkah perlu bagi mengekang dan mengharmonikan antara kaum di Malaysia agar tidak berlaku pertelingkahan yang melibatkan agama dan budaya.
2. Untuk makluman, Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang berperanan sebagai platform untuk membincangkan usaha-usaha pengukuhan perpaduan dan isu-isu berbangkit berkaitan perpaduan.

Tiga (3) jawatankuasa utama adalah:

- i. Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)

MPPN merupakan penasihat Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan menjadi platform bagi membincangkan perkara perkara yang berkaitan dengan isu dan cabaran perpaduan serta mencadangkan kaedah terbaik dalam mengurus isu-isu berbangkit. Ahli Majlis terdiri wakil pelbagai sektor termasuk akademik, korporat, sukan, belia, pengamal media, seni dan OKU.

- ii. Jawatankuasa EXCO Perpaduan (MexUnity)

Jawatankuasa ini adalah platform bagi membincangkan isu perpaduan di peringkat negeri. Ahli Jawatankuasa ini terdiri EXCO

perpaduan setiap negeri dan menteri yang menjaga hal ehwal perpaduan di Sabah dan Sarawak.

iii. Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)

Jawatankuasa HARMONI ini adalah platform penting dalam menangani dan mengelakkan ketegangan berkait isu-isu sensitif agama yang berlaku. Platform ini menyediakan ruang kepada wakil wakil penganut agama untuk:

- a) berbincang dalam ruang tertutup melibatkan isu isu sensitif berkaitan agama;
- b) mendapatkan nasihat daripada pakar rujuk bagi sesuatu perkara (sekiranya ada keperluan);
- c) mencapai konsensus atau kesefahaman antara badan-badan agama terhadap isu-isu yang berpotensi menyebabkan ketegangan; dan
- d) mengetengahkan pandangan atau cadangan kepada Kerajaan.

Ahli Jawatankuasa Harmoni ini terdiri daripada pemimpin pemimpin badan agama dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Agama.

3. Di samping itu, di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh Mediator Komuniti (yang telah ditauliah oleh Kementerian), melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan

tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT. Pada masa ini terdapat 564 Mediator Komuniti di seluruh negara.

4. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui sistem e-SEPAKAT yang dibangunkan sejak tahun 2010. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kementerian mengambil langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden seperti melaksanakan program-program dialog, perbincangan kefahaman antara agama dan sebagainya.
5. Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi bersama-sama mengukuhkan tahap perpaduan di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN

SOALAN 492

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memerangi ekstremisme agama dan radikalisme di negara ini.

JAWAPAN

1. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam usaha mengukuhkan perpaduan nasional dan membendung anasir-anasir yang cuba menggugat keharmonian masyarakat di negara ini seperti fahaman ekstremisme agama dan radikalisme. Fahaman ini sememangnya berlaku di seluruh dunia dan menjadi ancaman kepada kestabilan dan perpaduan sesebuah negara termasuk di Malaysia. Berdasarkan sumber statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 15 kumpulan ekstremisme yang menyeleweng daripada ajaran agama yang sebenar telah direkodkan bagi tahun 2022 dan 2023. Isu-isu yang melibatkan fahaman ini perlu diurus dengan baik kerana ia boleh menjadi barah kepada masyarakat yang membawa ke tahap mempersendakan agama, bahasa dan kaum komuniti lain sehingga boleh mengancam keselamatan negara. Perkara ini sedang dalam tindakan dan pemerhatian pihak Kementerian Dalam Negeri.
2. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui agensi di bawah seliaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengambil pendekatan mendampingi dan mendidik (*engage and educate*) komuniti bagi membendung masalah ini dari terus menjadi ancaman kepada perpaduan di negara ini. Antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh KPN ialah melakukan pemantauan secara berterusan dengan kerjasama agensi - agensi berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Komunikasi dalam mengesan isu di peringkat akar umbi sama ada secara fizikal dan juga di media sosial. Langkah intervensi juga akan

dilaksanakan melalui program-program yang bersesuaian mengikut keperluan.

3. Dalam usaha mengekang fahaman ini daripada terus berleluasa, KPN mengambil inisiatif HARMONI MADANI sebagai platform untuk menyebarkan prinsip asas integrasi nasional iaitu “Faham”, “Hormat” dan “Terima” dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.
4. Inisiatif HARMONI MADANI memberi tumpuan kepada Program Jejak Harmoni sebagai pengisian utama melalui sesi kunjungan muhibah ke rumah-rumah ibadat seperti Masjid, Tokong, Gereja, Kuil dan Gudwara yang dilaksanakan melibatkan pemimpin negara, ketua-ketua agama, NGO dan masyarakat dari pelbagai agama. Kunjungan muhibah ke rumah ibadat merupakan simbolik kebersamaan dan kesatuan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, adat, budaya dan kepercayaan beragama untuk menyebarkan semangat toleransi dan keharmonian ke arah pengukuhan jati diri sebagai rakyat Malaysia.
5. Kementerian Perpaduan Negara mempunyai enam program utama di bawah Inisiatif HARMONI MADANI iaitu:
 - a) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmoni Week*);
 - b) Podcast: Bicara Harmoni
 - c) Dialog Harmoni (*Interfaith Dialog*);
 - d) Dokumentari Harmoni;

- e) Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Penganut Pelbagai Agama; dan
 - f) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*).
6. Hasil daripada sinergi pelaksanaan Inisiatif HARMONI MADANI dan perancangan rapi yang direncanakan oleh Kementerian dapat meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam seterusnya memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan semangat toleransi dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama.
7. Kementerian menerusi agensi juga telah merangka program dan aktiviti yang meningkatkan penghayatan Rukun Negara secara berterusan dalam segenap lapisan Masyarakat supaya ia menjadi amalan hidup seharian. Antara program yang akan dilaksanakan pada tahun ini adalah:
- a) Eksplorasi Rukun Negara;
 - b) Program Raja Kita;
 - c) Pameran Arkib Diraja: Simbol Perpaduan Negara; dan
 - d) Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.
8. Pendirian Kerajaan adalah jelas bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang sengaja menyalahgunakan hak kebebasan bersuara bagi membangkitkan sensitiviti kaum dan agama serta mengganggu-gugat keamanan negara melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, tindakan afirmatif

oleh agensi-agensi penguatkuasaan akan dilaksanakan agar gerakan pelampau ini tidak berakar umbi di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PARLIMEN YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Chow Yu Hui

SOALAN 542

Tuan Chow Yu Hui minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan senarai program yang diadakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memupuk semangat perpaduan di antara kaum dan peruntukan bagi setiap program yang disenaraikan dari tahun 2022 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity in Diversity*) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
2. *Flagship* program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:
 - i. Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.
 - ii. Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.
 - iii. Komuniti Rahmah
Program yang dirancang bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga

yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua jentera KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti.

3. Dalam *flagship* program Kembara Perpaduan, pelbagai program telah disusun yang meliputi peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang turut melibatkan pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya bertujuan untuk mempromosi serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
4. Kementerian melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program telah mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa. Kementerian melalui kesemua agensi dan jentera perpaduan telah berjaya melaksanakan sebanyak **661 program (Disember 2022 hingga Disember 2023)**. Jumlah program yang telah dilaksanakan adalah berdasarkan pecahan 3 kluster program seperti berikut:
 - i. Semarak Kenegaraan sebanyak 119 program;
 - ii. Semarak Perpaduan sebanyak 421 program;
 - iii. Komuniti Rahmah sebanyak 121 program.
5. **Bagi tahun 2023 peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM35 juta** dan pelaksanaan program telah dijangka mengikut 4 inisiatif program utama Kementerian iaitu:

- i. Program Perpaduan;
 - ii. Ini Warisan Kita;
 - iii. Citra Nusa @ Muzium; dan
 - iv. Sukan Perpaduan.
6. Antara pencapaian program utama adalah:
- i. Pelancaran *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI;
 - ii. Sambutan Minggu Perpaduan;
 - iii. Lafaz Ikrar Rukun Negara;
 - iv. Inisiatif Ini Warisan Kita;
 - v. Liga Sukan Uniti;
 - vi. Citra Nusa@ Muzium; dan
 - vii. Sambutan Hari Muzium Peringkat Antarabangsa.
 - viii. Program Bermalam di Muzium
 - ix. Pelancaran Maya e-Negarawan
 - x. Klik e-usahawan@ Perpustakaan Desa
 - xi. *International Volunteers Cooperation Organisation (IVCO)*
 - xii. Tuisyen KAMI
7. Pelaksanaan program-program di atas adalah melibatkan kesemua agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu:
- (i) Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN);
 - (ii) Jabatan Muzium Malaysia (JMM);
 - (iii) Jabatan Arkib Negara (ANM);
 - (iv) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM);
 - (v) Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS);
 - (vi) Yayasan Tunku Abdul Rahman; dan

(vii) Yayasan Tun Razak.

8. **Manakala bagi tahun 2024, di bawah Ikhtiar 11: Memperkukuh Perpaduan dan Keselamatan *touchpoint* Bajet 2024, Kementerian juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta** bagi menggerakkan program *flagship* agenda perpaduan nasional di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.
9. Pelaksanaan program utama oleh Kementerian sentiasa meraikan kepelbagaian, mempromosikan kebersamaan, mewujudkan peluang pertukaran budaya serta warisan serta meningkatkan dan menyebarkan prinsip asas intergrasi nasional iaitu **FAHAM, HORMAT** dan **TERIMA** perbezaan merentasi kaum dan generasi seterusnya bagi merapatkan jurang yang wujud.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA
PENGGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA
BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
PARLIMEN YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
18 MAC – 4 APRIL 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

TARIKH : 18/3/2024 (ISNIN)

SOALAN 8

YB Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program khas yang akan dianjurkan oleh Kementerian bagi mengukuhkan semangat perpaduan di antara kaum di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sentiasa **mengutamakan tiga (3) objektif seperti yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara yang menetapkan strategi jangka panjang** dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Tiga objektif ini harus diberikan perhatian khusus oleh Kementerian mahupun agensi-agensi dalam melaksanakan aktiviti dan inisiatif iaitu:
 - mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
 - membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab;
 - melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.
2. Sehubungan dengan itu, KPN telah menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian** bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu.
3. **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI merupakan program flagship yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional** dengan matlamat menyebarkan pengetahuan,

kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam memperkukuhkan semangat perpaduan di antara kaum dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

4. Pada tahun 2023, Kementerian melalui kesemua agensi telah berjaya melaksanakan sebanyak **661 program yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.**
5. Jemaah Menteri pada 3 Mac 2023 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Perpaduan Negara untuk melaksanakan Sambutan Minggu Perpaduan diadakan pada minggu terakhir bulan Mei setiap tahun. Objektif bagi pelaksanaan program Sambutan Minggu Perpaduan adalah seperti berikut:
 - i. Meningkatkan kesedaran rakyat berbilang kaum tentang betapa pentingnya perpaduan negara dan integrasi nasional untuk dipelihara dan dikekalkan bagi membentuk sebuah negara yang harmoni, sejahtera dan stabil;
 - ii. Mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi mereka berlandaskan semangat hormat menghormati, bekerjasama, bermuafakat serta bertoleransi; dan
6. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia beberapa program dan aktiviti telah dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2024 seperti berikut:

- a. Sambutan Minggu Perpaduan;
 - b. Explorasi Rukun Negara;
 - c. Foodunites;
 - d. Pemeraksanaan KRT Progresif;
 - e. Konvensyen Bahasa Kolokial;
 - f. Liga Sukan Uniti;
 - g. Festival Membaca Kebangsaan;
 - h. Citra Nusa @ Nusa;
 - i. Semarak Muzium;
 - j. Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmoni Week*);
 - k. *Interfaith* Dialog;
 - l. Dokumentari Harmoni;
 - m. Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Penganut Pelbagai Agama;
 - n. Sambutan Hari Toleransi Sedunia;
 - o. Misi Sukarelawananan Siswa; dan
 - p. Biasiswa Tunku Abdul Rahman.
7. Penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), *Civil Society Organisation* (CSO) dan masyarakat dapat membantu untuk memperkukuh serta mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan.
8. Pelaksanaan program-program utama oleh Kementerian Perpaduan Negara dapat meningkatkan dan menyebarkan prinsip asas integrasi nasional iaitu **FAHAM, HORMAT dan TERIMA** perbezaan merentasi kaum dan generasi seterusnya dapat

merapatkan jurang yang wujud serta memahami, menghormati
serta meraikan kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH**

SOALAN 11

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan merencanakan kepentingan untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama terutama dalam konteks kehidupan yang semakin berubah dan kompleks dengan adanya pengaruh media sosial dan politik yang sensitif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.
2. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
3. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:

(i) Semarak Kenegaraan

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Antara program yang dijalankan adalah:

- i. Ini Warisan Kita;
- ii. Eksplorasi Rukun Negara;
- iii. Citra Nusa @ Muzium;
- iv. Bicara Bahasa Kolokial; dan
- v. Program Citra Merdeka.

(ii) Semarak Perpaduan

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian. Antara program yang dijalankan adalah:

- i. Sambutan Minggu Perpaduan;
- ii. Liga Sukan Uniti;
- iii. Galeri Uniti; dan
- iv. Showcase Rumah KAMI.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirancang bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti. Antara program yang dijalankan adalah:

- i. Bantuan Bakul RAHMAH;
- ii. Tuisyen RAHMAH;
- iii. Gerak RAHMAH: Jom Ronda SRS; dan
- iv. Dapur Komuniti.

4. Di samping pelaksanaan program-program bagi memupuk semangat perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara juga mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian terhadap isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:

- (i) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha’I; dan
 - (ii) Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia).
 - (iii) Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MexUnity) yang bertindak sebagai forum bagi membincangkan isu dan masalah yang berkaitan dengan perpaduan termasuk suasana perpaduan dan hal integrasi nasional melalui perkongsian maklumat bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
5. Kementerian Perpaduan Negara mengambil maklum akan isu-isu dan provokasi yang menyentuh sensitiviti antara kaum dan agama di negara kita, khususnya di media sosial. Bagi membendung perkara tersebut, Kementerian sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui sistem e-SEPAKAT yang dibangunkan sejak tahun 2010. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kerajaan mengambil langkah-langkah intervensi berdasarkan isu atau insiden yang berlaku di peringkat akar umbi. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden ini akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6. Oleh yang demikian, dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang oleh Kementerian, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira agama, fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
PARLIMEN YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
18 MAC – 4 APRIL 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TARIKH : 19/3/2024 (SELASA)

SOALAN 13

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- a) Apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan semangat perpaduan dan toleransi pelbagai kaum dan agama; dan
- b) Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan Hari Perpaduan Negara yang mengandungi beberapa pertandingan yang disertai oleh semua kategori kaum dan peringkat usia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Perpaduan Negara merupakan dasar pertama negara yang khusus kepada pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional dengan membawa konsep '**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**' bertujuan untuk memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan.
2. Pembangunan Dasar Perpaduan Negara yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara ini menetapkan tiga (3) Teras yang menjadi asas dalam menggerakkan agenda perpaduan negara iaitu:
 - i. **Patriotisme dan Demokrasi**
 - ii. **Identiti Nasional**
 - iii. **Ekosistem Perpaduan**
3. Sehubungan itu, bagi menasihati Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, perkauman dan keharmonian rakyat , tiga (3) jawatankuasa telah ditubuhkan:
 - **Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** - telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan yang dianggotai oleh 18 tokoh dari pelbagai bidang kepakaran serta dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

- **Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity)** - terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio Perpaduan di setiap negeri dan EXCO Hal-Ehwal Agama Selain Islam.
 - **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** - dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri Agama serta terdiri daripada wakil-wakil penganut pelbagai agama.
4. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian** bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu.
 5. Pada tahun 2023, Kementerian melalui kesemua agensi telah berjaya melaksanakan sebanyak **661 program yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**.
 6. Manakala bagi tahun ini, terhadap beberapa fokus utama diberikan oleh Kementerian dalam **meningkatkan semangat perpaduan, muhibah, kenegaraan, jati diri, toleransi dan kesukarelawanan**. Antaranya:

I. **Pemeriksaan Jentera Perpaduan**

- **Memperkasa KRT-** KRT sebagai jentera utama perpaduan negara turut melalui transformasi daripada hanya bertumpukan **aspek keselamatan “*neighbourhood watch*”** kepada **lapan bidang tumpuan baru**.
- **Meremajakan Skim Rondaan Sukarela-** Pada tahun 2023, sebanyak **23,431 rondaan** telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara. Meremajakan SRS ini merupakan inisiatif untuk menarik golongan muda menyertai SRS.
- **Mengangkasa Mediator Komuniti-** Terdapat seramai **564 Mediator Komuniti** bertaualiah di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang merangkumi seramai 163 Pegawai Perpaduan, 379 AJK KRT dan 22 NGO.

II. **Penghayatan Rukun Negara**

- Kementerian akan melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat supaya ia menjadi amalan hidup seharian. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
 - **Eksplorasi Rukun Negara**
 - **Raja Kita, Payung Kita**
 - **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara**
 - **Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah**

III. **Penyuburan terhadap warisan dan budaya negara**

- **Jabatan Muzium Malaysia** akan melaksanakan 11 program-program di bawah inisiatif Citra Nusa @ Muzium yang sebahagian usaha **Rejuvenasi Muzium**.
- Manakala bagi **Arkib Negara Malaysia** pula program-program adalah berbentuk pendokumentasian dan sejarah negara melalui **Konvensyen Bahasa Kolokial Malaysia** dan **Majlis Memperingati Negarawan** serta program **Arkib Komuniti**.
- **Perpustakaan Negara Malaysia** akan mengerakkan kempen galakan membaca melalui Karnival Membaca Kebangsaan.

IV. **Membangunkan Malaysia sebagai Hub Sukarelawan**

- usaha dalam menjadikan Malaysia sebagai hub kesukarelawan global yang mampu melahirkan pemimpin sukarelawan (*Volunteer Leaders*). Yayasan Sukarelawan Siswa akan melaksanakan:

- **7 misi sukarelawan** (Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Laos, Thailand dan Vietnam)
- Membangunan **Dasar Sukarelawan Nasional**
- **Duta Perpaduan** (50 Duta Perpaduan akan dilantik tahun ini)
-

V. **Meningkatkan keharmonian antara penganut agama**

- Bagi menjayakan agenda keharmonian antara penganut agama melalui Inisiatif Harmoni MADANI yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Antara aktiviti atau usaha murni yang akan dilaksanakan adalah seperti:

- Bicara Harmoni
- Jejak dan Dokumentasi Harmoni
- Sambutan Hari Toleransi Sedunia
- Sambutan Minggu Harmoni Sedunia

7. Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Mac 2023 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Perpaduan Negara untuk melaksanakan **Sambutan Minggu Perpaduan yang akan diadakan pada minggu terakhir bulan Mei setiap tahun.**

8. Bagi tahun 2024, Sambutan Minggu Perpaduan peringkat kebangsaan akan dilaksanakan **bermula 23 Mei hingga 26 Mei 2024** yang merangkumi segmen-segmen berikut:

- i. Pameran dan Perkhidmatan agensi Kerajaan;
- ii. Jualan RAHMAH;
- iii. Eksplorasi Rukun Negara;
- iv. Persembahan Kebudayaan Pelbagai Etnik;
- v. Pameran Rumah Etnik;
- vi. Silang Budaya;
- vii. Cita rasa Menu KAMI;
- viii. *Unity Run* dan *Unity Ride*; dan
- ix. Permainan Traditional.

9. **Dengan adanya Sambutan Minggu Perpaduan sebagai acara tahunan, maka Kementerian berpandangan tiada keperluan untuk mewujudkan Hari Perpaduan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli

TARIKH : 20 MAC 2024 (Rabu)

SOALAN 22

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah perancangan terkini pihak Kementerian dalam mengukuhkan semula keharmonian masyarakat yang dilihat semakin diancam dengan provokasi perkauman dan agama sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem e-Sepakat telah diperkenalkan pada tahun 2009 bertujuan untuk gerak kerja **pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital bagi menggantikan kaedah manual**. Sistem ini juga berfungsi dalam membantu agensi untuk **memantau tahap dan iklim perhubungan antara kaum ke atas isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian di dalam negara**.
2. Modul Sistem E-Sepakat terdiri daripada **tiga (3) komponen** yang penting iaitu;
 - **i-Kes** : Pelaporan Isu Perpaduan berkaitan dengan pengesanan dan pemantauan ke atas isu/konflik/ insiden yang telah berlaku.
 - **i-Ramal** : Pelaporan Isu Perpaduan berkaitan dengan maklumat/ khabar angin/berita awal yang dijangka akan berlaku. Mekanisma bagi menentukan kesahihan atau kebolehpercayaan maklumat tersebut akan dirujuk kepada agensi yang berkaitan seperti MKN, PDRM, Pihak berkuasa Tempatan dan Biro Pengaduan Awam.
 - **i-Mediator** : Pangkalan data utama bagi pengurusan dan perkhidmatan berkaitan Mediasi Komuniti yang merangkumi maklumat mediator, sistem pelaporan kes mediasi dan penilaian keaktifan mediator.

3. Statistik menerusi e-Sepakat berhubung **isu 3R** pada **tahun 2022** adalah sebanyak **153 isu** yang dilaporkan. Manakala pada **tahun 2023** meningkat kepada **197 isu**.
4. Kementerian menyelesaikan isu-isu perpaduan melalui **Mediator Komuniti** yang merupakan salah satu lagi jentera perpaduan yang memainkan peranan cukup penting dalam menyatupadukan perpaduan kaum dan membantu memelihara keharmonian masyarakat khususnya di kawasan komuniti sebagai Pendamai Masyarakat.
5. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menitikberatkan aspek perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum serta agama. Bagi tahun 2024, Kementerian akan memberikan fokus utama dalam **meningkatkan semangat perpaduan, kenegaraan, toleransi, muhibbah dan kesukarelawanan**. Antara fokus utama tersebut adalah:
 - a) Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga;
 - b) Meremajakan Skim Rondaan Sukarela;
 - c) Mengangkasa Mediator Komuniti;
 - d) Penghayatan Rukun Negara;
 - e) Penyuburan minat terhadap warisan dan budaya negara;
 - f) Membangunkan Malaysia sebagai Hub Sukarelawan; dan
 - g) Meningkatkan keharmonian antara penganut agama.

6. Kementerian telah memperkenalkan **konsep "Faham, Hormat, Terima" yang merupakan prinsip asas dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia.** Jika kita dapat memahami perbezaan dan persamaan antara satu sama lain, kita akan dapat membangunkan asas yang kukuh untuk interaksi yang lebih positif, dapat mengurangkan salah faham dan mencegah konflik.
7. Dalam mengukuhkan keharmonian masyarakat, **Kementerian akan melancarkan Inisiatif Harmoni MADANI pada bulan April ini.** Antara aktiviti atau usaha murni yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif ini adalah seperti:
- a) Bicara Harmoni
 - b) Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama
 - c) Jejak Harmoni
 - d) Dokumentasi Harmoni
 - e) Sambutan Hari Toleransi Sedunia
 - f) Sambutan Minggu Harmoni Sedunia
 - g) Interfaith- Dialog
8. **Kepelbagaian agama dan budaya adalah aset terbesar Malaysia. Malaysia MADANI menunjukkan bagaimana kepelbagaian ini bukan sahaja memperkaya identiti nasional, tetapi juga menyatukan rakyat.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan

TARIKH : 20/3/2024 (Rabu)

SOALAN 34

YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- a) Apakah usaha-usaha yang telah dirancang oleh Kementerian untuk **menyemarakkan peranan Rukun Tetangga (RT)**; dan
- b) Adakah Kementerian berhasrat untuk **menambah bilangan RT** serta **memperbanyakkan aktiviti-aktiviti** yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

JAWAPAN A

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah merupakan salah satu jentera perpaduan yang terpenting di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang berperanan untuk memupuk semangat muhibah dalam kalangan masyarakat. Sejak ditubuhkan pada tahun 1975 iaitu kini hampir mencapai 50 tahun penubuhannya, KRT telah mengalami beberapa evolusi dari segi peranan dan fungsinya untuk memastikan gerak kerja KRT memberi dampak yang tinggi kepada kesejahteraan dan keharmonian komuniti setempat.
2. Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang memayungi tiga (3) kluster program berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara iaitu Semarak Kenegaraan; Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah. Melalui kluster Komuniti Rahmah, Program Komuniti Rahmah telah dirancang bagi membina komuniti yang mampan, sejahtera dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dan enam (6) rukun MADANI. Aspirasi ini telah diterjemahkan menerusi hampir 80,000 aktiviti atau gerak kerja yang dilaksanakan oleh komuniti KRT di seluruh negara sepanjang tahun 2023.
3. Inisiatif Kementerian untuk menyemarakkan peranan KRT di negara ini terus diperhebatkan selaras dengan hasrat Kerajaan menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, di mana komitmen Kerajaan adalah untuk **memperkasakan KRT**

sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi”.

4. Justeru, Kementerian melalui JPNIN telah merangka **Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif** yang menjadi tonggak penting kepada aspirasi Kerajaan Membangun Masyarakat Progresif dengan memfokuskan kepada **lapan (8) bidang tumpuan** iaitu:

- i. Ekonomi dan Sara Hidup;
- ii. Keselamatan dan Ketahanan Komuniti;
- iii. Kepimpinan;
- iv. Kesejahteraan Komuniti;
- v. Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- vi. Alam Sekitar;
- vii. Warisan dan Budaya; dan
- viii. Daya Cipta.

JAWAPAN B

1. Sehingga kini, jumlah KRT di seluruh negara adalah sebanyak **8,438** **iaitu terdapat peningkatan sejumlah 1955 KRT** berbanding pada 10 tahun yang lepas iaitu tahun 2013 sebanyak 6,483. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa KRT merupakan antara institusi sosial atau organisasi sukarela yang menjadi pilihan utama masyarakat di bandar dan pinggir bandar sebagai *platform* untuk penyatuan masyarakat.
2. Antara faktor utama yang dikenalpasti menyumbang kepada permintaan masyarakat untuk penubuhan KRT dalam kawasan-kawasan kediaman adalah kerana kekuatan KRT yang berfungsi melalui Akta 751, mempunyai struktur organisasi dan jawatankuasa yang lengkap, kelompok komuniti yang mantap (Tunas Jiran, Jiran Muda, Jiran Wanita dan Jiran Warga Emas) serta peruntukan geran yang disediakan oleh Kerajaan untuk pelaksanaan aktiviti dan kos pentadbiran.
3. Oleh yang demikian, Kementerian telah mensasarkan jumlah KRT ini akan terus meningkat dari setahun ke setahun seiring dengan permintaan daripada masyarakat untuk menubuhkan KRT. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada syarat dan kriteria tertentu, permohonan penubuhan KRT akan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga. Penilaian ini penting bagi memastikan KRT yang ditubuhkan di dalam sesuatu kawasan berupaya bergerak secara aktif dan dapat menyumbang kepada pengukuhan kehidupan bermasyarakat di negara ini.

4. Seterusnya, adalah menjadi fokus Kementerian agar Pelan Tindakan Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif yang disediakan akan menjadi rujukan penting kepada KRT di seluruh negara untuk merancang, mempergiat dan memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti perpaduan di peringkat komuniti masing-masing ke arah membina Malaysia yang lebih harmoni, sejahtera, mampan dan progresif.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Evolusi Rukun Tetangga (1975 – 2024)

Tahun	Evolusi RT	Penjelasan
1975	Keselamatan	Rondaan Wajib. Pemastautin berumur 18 tahun ke atas diwajibkan meronda.
1983	Kejiranan	Memupuk semangat kejiranan dan perpaduan dalam komuniti.
2001	Pembangunan Komuniti	Memfokuskan kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk meningkatkan keupayaan dan ketahanan komuniti berhadapan dengan perubahan gaya hidup dan isu-isu sosial semasa.
2010	Model Transformasi RT	Memfokuskan peranan KRT kepada 5 teras : i. Perpaduan ii. Keselamatan iii. Ekonomi dan Sara Hidup iv. Kualiti Hidup v. Pendidikan dan Hobi
2021	Pemeriksaan RT	5 Teras Pemeriksaan: i. Kepimpinan Komuniti RT ii. Peranan RT sebagai Tapak Integrasi iii. Kesukarelawanan iv. Kesejahteraan Komuniti v. Pemeriksaan Kelompok Komuniti 4 Agenda Kerja KRT (RT4ALL): i. Gerak Kerja KRT Sejahtera ii. Gerak Kerja KRT Selamat iii. Gerak Kerja KRT Sihat iv. Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah
2024	Pemeriksaan RT Sebagai Penggerak Komuniti Progresif	8 Bidang Tumpuan: i. Ekonomi dan Sara Hidup ii. Keselamatan dan Ketahanan Komuniti iii. Kepimpinan iv. Kesejahteraan Komuniti v. Pembelajaran Sepanjang Hayat vi. Alam Sekitar vii. Warisan dan Budaya viii. Daya Cipta “Pelan Tindakan Pemeriksaan RT Sebagai Penggerak Komuniti Progresif”

MAKLUMAT TAMBAHAN

Lapan (8) Bidang Tumpuan Membangun Komuniti Progresif

1. Ekonomi dan Sara Hidup

Memperkasakan agenda ekonomi komuniti RT melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam kawasan komuniti/kejiranan. Pemerkasaan agenda komuniti RT dapat membantu komuniti menangani masalah kos sara hidup yang tinggi, meningkatkan pendapatan isi rumah dan mewujudkan peluang pekerjaan serta memperkukuhkan semangat kerjasama dalam kalangan komuniti. Inisiatif pemerkasaan agenda ekonomi ini akan digerakkan melalui aktiviti seperti kebun komuniti, ternakan ikan, akua-agro, produk kraftangan, jahitan, terapi kesihatan, makanan, produk kesihatan dan pelancongan berasaskan komuniti.

2. Keselamatan dan Ketahanan Komuniti

Keselamatan kawasan kejiranan akan digerakkan melalui aktiviti rondaan dan kawalan keselamatan komuniti serta pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan kerjasama pihak keselamatan dan agensi berkaitan.

3. Kepimpinan

Aktiviti untuk meningkatkan daya kepimpinan AJKRT dan komuniti untuk menjadikan RT sebagai sebuah organisasi sukarela yang berjaya, berdaya maju dan berdaya saing di Malaysia.

4. Kesejahteraan Komuniti

Aktiviti yang berimpak tinggi untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan komuniti seperti Tuisyen KAMI (tuisyen percuma), Program Sayangi Komuniti (PSK), RT Cares, Dapur Komuniti, Ziarah Perpaduan dan Gerak Kerja Pengurusan dan Bantuan Bencana yang dilaksanakan secara bersepadu dengan pelbagai agensi, NGO dan pihak swasta.

5. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Aktiviti melalui bengkel/latihan bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran seperti literasi digital, asas perniagaan, penghasilan produk kraftangan, pemprosesan makanan, terapi kecantikan dan SPA, agro-teknologi dan jahitan.

6. Alam Sekitar

Aktiviti untuk meningkatkan kebersihan, keselesaan, keindahan dan keceriaan kawasan kediaman/ kejiranan seperti Jom Bersih dan Indah, Unity Plogging dan gotong royong RT4ALL.

7. Warisan dan Budaya

Aktiviti berteraskan warisan dan budaya sebagai tapak integrasi untuk memupuk keharmonian dalam kalangan komuniti kejiranan seperti Jom Kenali Budaya, Jalinan Integrasi dan Sambutan Perayaan Kaum.

8. Daya Cipta

Aktiviti untuk memperkasa kreativiti rakyat dan menggalakkan usaha pendigitilan komuniti.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kriteria Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga

BUTIRAN	KATEGORI BANDAR	KATEGORI LUAR BANDAR
Permohonan nama KRT	Atas nama kawasan komuniti	Atas nama kawasan komuniti
Pemohon	Wakil penduduk sekurang-kurangnya 20 orang	Wakil penduduk sekurang-kurangnya 20 orang
Kepelbagaian penduduk	Pelbagai kaum/etnik	Pelbagai kaum/etnik
Anggaran bilangan penduduk	Minimum 1000 orang	Minimum 500 orang
Anggaran bilangan rumah	Minimum 200 rumah (purata 5 orang/rumah)	Minimum 100 rumah (purata 5 orang/rumah)
Keluasan kawasan	Maksimum 10 hektar	Maksimum 125 ekar = 50 hektar

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
18 MAC – 4 APRIL 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan

TARIKH : 19/3/2024 (Selasa)

SOALAN 35

YB Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk mengukur tahap perpaduan di antara kaum di negara ini, dan adakah ukuran ini dapat memberi gambaran status perpaduan mengikut negeri, daerah dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menjalankan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) sebagai indeks nasional bagi mengukur tahap perpaduan di Malaysia.
2. IPNas merupakan satu-satunya **indeks pengukuran tahap perpaduan** yang boleh digunapakai bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia pada ketika ini.
3. Kajian IPNas telah **dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Skor Indeks Perpaduan Nasional** pada tahun **2018** ialah **0.567**, manakala **Skor Indeks Perpaduan Nasional** pada tahun **2022** ialah **0.629**. Ini menunjukkan **peningkatan** sebanyak **6.25%** berbanding skor pada tahun 2018 yang bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada dalam tahap sederhana dan terkawal. Hasil dapatan IPNas adalah terjemahan situasi semasa tahap perpaduan rakyat Malaysia bagi tahun berkenaan.
4. Pengukuran IPNas perlu dilaksanakan sebanyak dua (2) kali dalam tempoh lima (5) tahun untuk mencapai skor sasaran iaitu 0.7 menjelang tahun 2025 seperti mana yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu pada tahun 2022 dan 2024.
5. Melalui hasil kajian IPNas 2018, Kementerian telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) pada tahun 2021 yang berteraskan

Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang mengandungi tiga teras utama iaitu:

- (i) **Peningkatan jatidiri dan semangat cintakan negara;**
- (ii) **Pengukuhan tapak integrasi dan interaksi sosial; dan**
- (iii) **Pemantapan ekosistem dan tadbir urus perpaduan.**

6. Bagi menambahbaik IPNas 2024, Kementerian Perpaduan Negara akan menghasilkan skor IPNas di peringkat nasional, tiga (3) wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan mengikut setiap Negeri serta juga laporan kajian melibatkan keseluruhan negara.
7. Berdasarkan kepada hasil kajian IPNas 2022 pula, Kementerian telah menyusun perancangan program yang lebih bersepadu dan inklusif melalui penghasilan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** yang meliputi tiga (3) kluster program iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**. Program-program ini disusun berdasarkan kepada tiga teras utama DPN.
8. Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi-agensi di bawahnya serta agensi-agensi rakan strategik telah berjaya melaksanakan **lebih 661 program** meliputi tiga kluster seperti yang dinyatakan tadi. Program-program tersebut akan terus dipergiatkan lagi pada tahun ini.
9. Kerajaan turut mengambil inisiatif dengan merujuk kepada negeri seperti Sarawak dan Kelantan yang boleh dijadikan sebagai contoh

model perpaduan dan keharmonian antara kaum yang mana rakyatnya hidup bersatu-padu dalam kepelbagaian. Inilah semangat perpaduan yang boleh kita terapkan dalam kalangan seluruh masyarakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA
26 FEBRUARI – 27 MAC 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa

TARIKH : 18/3/2024 (Isnin)

SOALAN 52

YB Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah Tabika Perpaduan sehingga kini dan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan bilangan tabika ini menjelang 2025 bagi keperluan kumpulan B40 di bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan tiada sebarang keciciran bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun untuk menerima pendidikan separa formal iaitu pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga kini Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan diseluruh negara yang memberikan didikan awal kepada lebih 37,000 orang.
2. Objektif Tabika Perpaduan adalah seperti berikut :
 - i. Membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan.
 - ii. Membentuk kemenjadian murid dan memperkembangkan konsep sendiri.
3. Dalam memastikan semua pihak khususnya B40 menerima Pendidikan berkualiti yang disediakan, Kementerian juga telah menyediakan insentif kepada semua murid Tabika Perpaduan seperti berikut:
 - i. Perlindungan Insurans kepada semua Murid Tabika Perpaduan.
 - ii. Bantuan Makanan Tambahan (BMT) iaitu RM3 kepada setiap murid pada setiap hari dengan kekerapan dua kali makan.
 - iii. *Starter Kit* Tabika Perpaduan yang terdiri daripada sepasang baju seragam dan sebuah beg galas.
 - iv. Set Buku Aktiviti Tabika Perpaduan bagi setiap murid.

4. Dalam memastikan sikap mesra pasaran dan mesra pelanggan dan kebolehcapaian perkhidmatan Tabika dengan lebih meluas, pihak KPN juga sedang melaksanakan kajian keberkesanan perlaksanaan program Tabika dan permintaan penduduk terhadap perkhidmatan Tabika Perpaduan. Ini bagi memastikan penubuhan pengoperasian Tabika adalah mengikut keperluan dan permintaan penduduk setempat.
5. KPN sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan kolaborasi bersama pelbagai pihak yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha memastikan kanak-kanak berhak mendapat pendidikan bermula dari kecil bagi membina generasi bangsa Malaysia pada masa akan datang yang bersatu padu. Malah ini juga merupakan salah satu usaha meningkatkan kesedaran kepada ibubapa dan masyarakat bagi memastikan kanak-kanak mendapat akses pendidikan prasekolah.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

**SKOP PERKHIDMATAN
INSURANS KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK UNTUK
MURID TABIKA PERPADUAN BAGI TEMPOH 1 TAHUN (2024-2025)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)**

BIL.	FAEDAH	NILAI PERLINDUNGAN (RM)
1	KEMATIAN akibat kemalangan termasuk lanjutan perlindungan Kematian Akibat Demam Denggi, Malaria, Kencing Tikus dan JE	20,000
2	KEMATIAN Akibat dalam Pengangkutan Awam	40,000
3	KEMATIAN Akibat Kemalangan Dalam Sekolah	40,000
4	KECACATAN KEKAL/ Hilang Upaya Menyeluruh Akibat Kemalangan	50,000
5	ELAUN HARIAN HOSPITAL Akibat Kemalangan (Maksimum 60 hari Dalam Setahun)	50 sehari
6	ELAUN PERJALANAN Akibat Kemalangan (Maksimum 60 hari Dalam Setahun)	50 sehari
7	PERBELANJAAN PERUBATAN Akibat Kemalangan	2,000
8	PEMASANGAN ANGGOTA BADAN PALSU/PEMBELIAN KERUSI RODA Akibat Kemalangan	2,000
9	KHAIRAT KEMATIAN (Semua Sebab)	1,500

MAKLUMAT TAMBAHAN

STARTER KIT TABIKA PERPADUAN

1. Baju Tabika Perpaduan:



2. Seluar Tabika Perpaduan



3. Beg Galas



MAKLUMAT TAMBAHAN

KRITERIA PEMBUKAAN KELAS TABIKA PERPADUAN

1. Minimum 200 unit rumah / kediaman atau 500 penduduk dalam kawasan cadangan penubuhan Tabika Perpaduan.
2. Mempunyai premis yang sesuai dan selamat (Kapasiti keluasan kelas memuatkan minimum 25 orang kanak-kanak).
3. Kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai etnik.
4. Mempunyai kanak-kanak yang berumur empat (4) tahun hingga enam (6) tahun dalam kawasan tersebut.

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA
PENGGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA
BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA 2024
24 JUN – 18 JULAI 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Tuan Zahari bin Kechik [JELI]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (Selasa)

SOALAN 10

Tuan Zahari bin Kechik minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang wujud di seluruh negara dan berapa jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) menjalankan aktiviti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak ditubuhkan pada tahun 1975, jumlah KRT telah meningkat dari semasa ke semasa dan sehingga kini terdapat sebanyak 8,438 Rukun Tetangga di seluruh negara.
2. Permintaan komuniti untuk menubuhkan KRT dalam kawasan kejiranan masing-masing terus meningkat setiap tahun. Misalnya peningkatan bilangan penubuhan KRT sebanyak 93 KRT baharu pada tahun 2023 yang telah diluluskan penetapannya. Penubuhan KRT mengambilkira keluasan kawasan, jumlah penduduk, kepelbagaian kaum dan keperluan menubuhkan KRT khususnya yang berkaitan dengan isu dan konflik dalam kawasan. Justeru, penubuhan KRT akan memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian dalam komuniti dan menjadi platform untuk menyelesaikan isu-isu setempat.
3. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara menyediakan peruntukan geran sebanyak RM6,000 kepada KRT untuk melaksanakan gerak kerja di peringkat komuniti masing-masing. Pada tahun 2024, sebanyak RM47,322,000 peruntukan telah disalurkan kepada 7,887 Rukun Tetangga yang aktif di seluruh negara.
4. Kementerian berharap dengan peruntukan yang disediakan, KRT dapat melaksanakan fungsi dan tugasnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 8, Akta Rukun Tetangga 2012. Dengan peruntukan yang terhad ini, KRT perlulah lebih kreatif dan

tidak boleh bergerak secara silo. Sebaliknya KRT perlu berkolaborasi dengan pelbagai pihak seperti Kementerian, agensi, NGO, swasta, korporat dan pertubuhan lain dalam komuniti agar program yang dilaksanakan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat secara optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN 12

Dr. Hajah Halimah Ali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan senarai aktiviti dan peruntukan bagi Jiran Wanita, Jiran Muda dan Jiran Warga Emas di bawah Jawatankuasa Rukun Tetangga di dalam kawasan Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhan Rukun Tetangga pada tahun 1975, Rukun Tetangga telah memainkan peranannya sebagai pemacu dalam komuniti kejiranan terutamanya dalam membantu membangunkan komuniti setempat dalam aspek pengukuhan semangat kejiranan, keselamatan, pembelajaran sepanjang hayat, ekonomi komuniti serta kesejahteraan hidup komuniti.
2. Sehingga kini, jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara adalah 8,438 KRT. Di Negeri Selangor, jumlah KRT adalah 1,091 KRT dan di **Parlimen Kapar adalah berjumlah 50 KRT**.
3. Komuniti Tunas Jiran, Jiran Muda, Jiran Wanita dan Jiran Warga Emas dalam Rukun Tetangga merupakan kelompok penting yang mendukung aspirasi Rukun Tetangga dalam komuniti. Pemerkasaan program dibuat untuk memastikan ianya memberi impak yang baik kepada seluruh komuniti. Kelompok komuniti ini juga merupakan agen perpaduan diperingkat akar umbi yang mempromosikan penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam pelbagai aktiviti Rukun Tetangga dan bagi memastikan jentera Rukun Tetangga sentiasa relevan dan kewujudannya memberikan impak yang besar dalam komuniti.
4. Bagi tempoh **Januari hingga Mei 2024**, sebanyak **51 aktiviti** yang melibatkan tiga kelompok komuniti telah dilaksanakan dalam Parlimen Kapar dengan pecahan seperti berikut:

- Jiran Muda (22 aktiviti);
 - Jiran Wanita (15 aktiviti); dan
 - Jiran Warga Emas (14 aktiviti).
5. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti Majlis Sumbangan Rahmah, Program *Back To School*, *Town Hall Discussion* Bersama PDRM, Program Gotong-Royong, Rondaan Keselamatan dan Program Gerak Rahmah.
 6. Bagi tujuan perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jawatankuasa Rukun Tetangga dan pengelolaan aktiviti-aktiviti perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di dalam kawasan kejiranan Rukun Tetangga, Kerajaan telah menyalurkan geran sebanyak RM6,000 setahun kepada Kawasan Rukun Tetangga yang aktif. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah institusi sosial atau organisasi sukarela di peringkat komuniti, KRT ini juga disarankan supaya dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti melalui kerjasama strategik bersama-sama agensi-agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan yang berkaitan agar impak pelaksanaan aktiviti lebih berkesan, menyeluruh dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

SOALAN 15

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah diambil Kementerian untuk mengatasi masalah kerenggangan dalam hubungan antara kaum dan sikap saling menghormati antara kaum yang semakin ketara merekah dan parah terutama dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengurus perpaduan adalah satu agenda yang sangat besar dan perlu kepada pendekatan yang menyeluruh. Dalam sebuah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, agama dan budaya banyak isu dan cabaran yang perlu ditangani dengan penuh berhemah.
2. Bagi memastikan keharmonian dan perpaduan negara sentiasa terpelihara, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) membangunkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan program dan aktiviti dibawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Pelaksanaanya bertujuan untuk memupuk keharmonian masyarakat dalam kalangan rakyat di Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.
3. Terdapat tiga (3) kluster program utama di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu:

- i. **Semarak Kenegaraan**

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Contoh Program yang dilaksanakan adalah:

- a) Eksplorasi Rukun Negara;
- b) Lafaz Ikrar Rukun Negara;
- c) Citra Nusa@ Muzium; dan
- d) Wacana Kelestarian Keselamatan, Perpaduan dan Keharmonian Negara

ii. **Semarak Perpaduan**

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Contoh Program yang dilaksanakan adalah :

- a) Sambutan Minggu Perpaduan;
- b) Foodunites;
- c) Liga Sukan Uniti;
- d) Showcase Rumah Kami; dan
- e) Inisiatif Harmoni Madani (Jejak Harmoni, Podcast: Bicara Harmoni ;Interfaith Dialog ;Dokumentari Harmoni; Wacana Harmoni; Sambutan Hari Toleransi Sedunia; dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia)

iii. **Komuniti Rahmah**

Program ini dirancang bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling hormat menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua jentera KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti. Contoh program:

- a) Bantuan Bakul Rahmah;
- b) Ziarah Rahmah; dan
- c) Jualan Rahmah.

4. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan. Antara mekanisme pengurusan isu perpaduan yang sedang dilaksanakan oleh JPNIN adalah pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi melalui:

- i. **Sistem E-Sepakat** : JPNIN telah membangunkan Sistem Maklumat Perpaduan (SISMAP) sejak tahun 2009 lagi. Salah satu modul dalam SISMAP yang dibangunkan adalah E-Sepakat. Modul e-Sepakat diperkenalkan sebagai mekanisme dalaman JPNIN bertujuan untuk gerak kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital bagi menggantikan kaedah manual. Penggunaan sistem ini melibatkan peranan pengguna (user) di kalangan Pegawai Perpaduan di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat secara menyeluruh.
- ii. **Dashboard Analitik Perpaduan** - Manakala Dashboard Analitik Perpaduan pula menyokong kepada sistem E-Sepakat dalam meningkatkan lagi kecekapan gerak kerja pengurusan isu keharmonian masyarakat melalui pemetaan (*mapping*) kawasan-kawasan yang berisiko tinggi (*high-risk*) dan panas (*hot-spot*) yang mampu mengganggu gugat keharmonian antara kaum dan agama.

- iii. **Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat-**
Kementerian melalui JPNIN telah memperkenalkan Program Mediator Komuniti sejak 2009 secara berstruktur yang bertujuan untuk melatih pemimpin Rukun Tetangga (RT), Pegawai Perpaduan dan NGO Agama untuk menjadi pendamai masyarakat yang dikenali sebagai Mediator Komuniti dalam membendung dan mengurus isu-isu perpaduan atau konflik sosial di peringkat komuniti.
- 5. Inisiatif dan program yang dirangka dan dilaksanakan ini merupakan medium bagi Kementerian untuk memperluas dan memperkukuhkan lagi kefahaman masyarakat mengenai agenda perpaduan yang menjadi tonggak kepada kemakmuran dan kestabilan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN 22

Tuan Jamaludin bin Yahya minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menaikkan elaun Rukun Tetangga yang selama ini berada pada tahap yang rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rukun Tetangga merupakan organisasi sukarela yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1975 dan beroperasi melalui Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751]. Sebagai jentera perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Rukun Tetangga berperanan sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalin hubung (*bridge builder*) dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan di peringkat komuniti.
2. Sebagai sebuah organisasi sukarela, anggota Jawatankuasa Rukun Tetangga **tidak menerima sebarang elaun** bagi menguruskan pentadbiran dan pengoperasiannya. Sejak hampir 50 tahun penubuhannya, **ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga berkhidmat secara sukarela kepada komuniti tanpa sebarang ganjaran atau imbuhan ibarat “bekerja tanpa gaji”**.
3. Walau bagaimanapun, **Kerajaan menyediakan peruntukan dalam bentuk geran secara tahunan kepada Rukun Tetangga yang aktif** dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah seksyen 8, Akta 751. **Kadar geran adalah sebanyak RM 6,000 setahun** yang digunakan oleh Rukun Tetangga untuk urusan pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti di peringkat komuniti masing-masing.
4. **Melalui inisiatif Bajet 2024, Kementerian Perpaduan Negara juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 20 juta untuk melaksanakan inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai**

Penggerak Komuniti Progresif. Peruntukan tersebut adalah untuk mendayaupayakan Rukun Tetangga berpotensi di seluruh negara untuk dijadikan sebagai Model RT Progresif.

5. Setakat ini sebanyak **121 Kawasan Rukun Tetangga** sedang didayaupayakan melalui pelbagai aspek termasuk latihan, bimbingan, bantuan teknikal, peralatan dan peruntukan bagi meningkatkan lagi kecekapan, keberkesanan, impak serta *return of investment* (ROI) projek/program/aktiviti/perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Rukun Tetangga berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGAH]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

SOALAN 66

Tuan Manndzri bin Nasib minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha serta tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menyemai serta menerapkan konsep Rukun Negara terutamanya prinsip kedua Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang dilihat semakin luntur di kalangan masyarakat terutamanya generasi Y.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk menjadikan Rukun Negara sebagai asas dan panduan dalam kehidupan berkomuniti di negara ini. Rukun Negara ditubuhkan untuk menanam nilai-nilai murni seperti nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta membentuk masyarakat yang mengamalkan nilai kesopanan dan berakhlak mulia.
2. Sejak penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020, Rukun Negara telah dijadikan sebagai asas pencapaian aspirasi perpaduan nasional. Dasar Perpaduan Negara juga telah dibangunkan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dasar Perpaduan Negara adalah dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan dalam Kepelbagaian” untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.
3. Rukun Negara juga berperanan sebagai pengikat dan pembina semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Rukun Negara turut menterjemahkan kemajmukan dan kepelbagaian yang terdapat dalam Malaysia yang bertunjangkan konsep membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian. Prinsip menghormati, memahami dan menerima dalam kalangan rakyat

adalah asas kesinambungan kesepaduan dan keharmonian negara.

4. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menitikberatkan kepada penerapan empat elemen Rukun Negara iaitu (i) pengukuhan pengetahuan, (ii) pemahaman, (iii) penghayatan; dan (iv) pengamalan; khususnya kepada generasi muda, untuk membentuk individu yang matang dan peka dalam menangani cabaran yang mengancam keharmonian kaum, termasuk provokasi dan perkara yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.
5. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan kerjasama bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha penerapan Rukun Negara di sekolah melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan institut pengajian tinggi melalui penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) semenjak tahun 2004. Penerapan Rukun Negara dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dengan penyertaan pelbagai etnik dalam menghargai nilai kebersamaan yang dimiliki bersama dan meningkatkan tahap patriotisme serta pembentukan sendiri yang positif dalam diri generasi muda. Elemen Rukun Negara dijadikan asas dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan sebagai usaha mencorakkan murid dan belia yang holistik dalam semua aspek demi pemantapan masa depan negara yang maju, aman dan sejahtera. Sehingga 31 Mac 2024 terdapat **sebanyak 6,849 KRN di sekolah dan 189 SRN di IPT seluruh negara.**

6. Selain daripada itu, Penerapan nilai-nilai perpaduan dan hidup bermasyarakat diberikan kepada kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun di Tabika Perpaduan (TP). Modul Pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan dalam usaha menyemai benih-benih perpaduan di peringkat awal persekolahan agar sentiasa dijiwai dan dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.
7. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Julai 2023 telah meluluskan supaya lafaz ikrar Rukun Negara kini dibaca penuh bermula dengan mukadimah, diikuti lima (5) prinsip Rukun Negara di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.
8. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program di bawah Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu Ekplorasi Rukun Negara (ERN). Majlis Pelancaran Eksplorasi Rukun Negara telah dilaksanakan pada 13 Ogos 2023 oleh YB Menteri Perpaduan Negara. Inisiatif ini merupakan usaha memperkasakan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. ERN memberi penekanan kepada empat nilai utama iaitu patriotisme dan kenegaraan; inovasi dan teknologi; kesukarelawanan; serta kepimpinan dan jati diri. ERN diketengahkan dengan pelbagai pengisian dalam konteks agenda kenegaraan dan patriotisme yang bersifat segar dan terkini dengan pengisian utama bacaan penuh ikrar Rukun Negara.

9. Pemerkasaan pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara seterusnya dilancarkan di semua peringkat iaitu pelancaran di peringkat sekolah pada 14 Ogos 2023 yang disempurnakan oleh kedua-dua YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri Pendidikan. Seterusnya di peringkat Universiti dilancarkan pada 2 Oktober 2023 di Universiti Putra Malaysia yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk KSU KPN. Manakala bagi yang melibatkan pemimpin negara, lafaz Ikrar Penuh Rukun Negara telah dilaksanakan semasa pembukaan Sidang Parlimen pada 26 Februari 2024. Eksplorasi Rukun Negara akan terus disemarakkan di peringkat komuniti pada tahun 2024 dengan kerjasama pelbagai agensi dan rakan strategik.
10. Usaha-usaha ke arah pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian rakyat terus diperkasakan melalui pelaksanaan program-program berikut:

i) Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara

Program ini berkonsepkan pertandingan debat ala parlimen yang menyasarkan penglibatan setiap ahli pasukan yang terdiri daripada ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) pelbagai kaum. Pertandingan ini terbuka kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mempunyai Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di IPT masing-masing. Program ini adalah selari dengan misi Kementerian Perpaduan Negara untuk meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat. Kementerian komited untuk memastikan Debat Perpaduan

Piala Menteri Perpaduan Negara ini menjadi salah satu medium dalam untuk mengukuhkan penyatupaduan dan pembudayaan perpaduan dalam kalangan mahasiswa di peringkat Institut Pengajian Tinggi.

ii) Bicara Perpaduan

Wadah perkongsian ilmu mengenai topik perpaduan dan keharmonian, di mana ilmuwan menyampaikan pengetahuan kepada orang awam untuk mengukuhkan pemahaman dan penerimaan berkaitan dengan kenegaraan dan kepelbagaian adat budaya masyarakat pelbagai etnik.

iii) Program Jalinan Integrasi Nasional

Program ini berlandaskan kepada tiga (3) prinsip asas dalam hubungan antara etnik iaitu faham, hormat dan terima dalam kalangan peserta program. Program ini berkonsepkan program anak angkat. Peserta program terdiri daripada penjawat awam dan mahasiswa yang akhirnya diharapkan dapat meningkatkan kefahaman mereka mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian negara.

iv) Raja Kita Payung Kita

Program ini bermatlamat mewujudkan rasa kasih sayang dan tanggungjawab setiap warganegara untuk mempertahankan kedaulatan negara serta menghormati Institusi Di-Raja sebagai Ketua Negara. Pengisian program adalah meliputi Simposium “Negeri Beradat, Raja Berdaulat”, Ekspolarasi Sejarah Raja

Kita, Jelajah Warisan, Tayangan video dokumentari Pertabalan Diraja dan Permainan Rakyat Warisan Kita.

Sempena Istiadat Pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XVII pada tahun 2024 ini, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) akan menganjurkan Pameran Raja Kita. Objektif utama pameran adalah untuk mendekatkan rakyat dengan Yang di-Pertuan Agong menerusi paparan segmen-segmen yang berkaitan dengan institusi Yang di-Pertuan Agong dan keperibadian baginda. Penganjuran pameran ini bertepatan dengan prinsip kedua Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara yang menunjukkan kesepaduan dan keharmonian seluruh rakyat Malaysia yang merentasi sempadan negeri, kaum dan agama di bawah naungan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

iv) Podcast Bicara Harmoni

Program ini adalah wawancara berkonsepkan rakaman digital audio dan video yang disiarkan di media sosial. Matlamat utama program ini adalah untuk mengukuhkan interaksi sosial masyarakat berbilang kaum dan agama, melalui sikap saling memahami, hormat-menghormati serta menerima kepelbagaian dan perbezaan sebagai satu kekuatan Rakyat Malaysia. Program Podcast ini menampilkan hos dan panel jemputan berlainan agama dan kaum yang terdiri daripada golongan profesional seperti peguam, doktor dan ahli akademik serta pempengaruh media sosial. Tajuk-tajuk akan

dibincangkan mengikut perspektif budaya, adat dan tradisi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA 2024
24 JUN – 18 JULAI 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB Kapten Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi (B)
[Tanjong Karang]**

SOALAN 662

Kapten Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi (B) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa jumlah KRT di seluruh negara yang terlibat secara langsung dalam Program Tuisyen Kami dan apakah impak hasil positif sejak program tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Tuisyen KAMI (Komuniti – Aman – Muhibah – Ihsan) adalah merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Program ini dilaksanakan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT), komuniti pedalaman, asnaf dan B40 di seluruh negara.
2. Antara lain, program Tuisyen KAMI adalah bertujuan untuk:
 - i. memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dalam KRT untuk mendapat pendidikan tambahan secara percuma;
 - ii. membantu pelajar-pelajar meningkatkan prestasi akademik mereka; dan
 - iii. memenuhi tanggungjawab sosial Kementerian kepada komuniti Rukun Tetangga dalam aspek pendidikan bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup mereka.
3. **Program Tuisyen KAMI (JPNIIN)** : melibatkan pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang merangkumi 6 subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam. Program tersebut bermula pada bulan Ogos 2023 hingga Januari 2024. Program ini

telah memberi manfaat kepada seramai 1,830 pelajar dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Daerah, sekolah-sekolah dan pihak berkepentingan yang lain.

4. **Program Tuisyen KAMI (YSS)** : melibatkan seramai 484 pelajar asnaf di 5 buah sekolah di 5 negeri. YSS juga mengadakan Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM untuk 6 subjek tersebut dan telah disertai 684 orang pelajar dari sekolah yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA,
PENGGAJ KETIGA
PARLIMEN KELIMA
BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN PELE PETER TINGGOM

SOALAN 1

YB Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pihak Kerajaan telah memberi penekanan terhadap kepentingan dalam penggunaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia melalui program yang dijalankan oleh Kementerian. Bagaimanakah Kementerian memastikan penggunaan Rukun Negara dalam kalangan rakyat khususnya murid-murid berkesan dan efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam usaha menerapkan elemen Rukun Negara yang berfokuskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan murid.
2. Penerapan nilai-nilai perpaduan dan hidup bermasyarakat jua diberikan kepada kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun di Tabika Perpaduan (TP) dan kanak-kanak yang berusia bawah 4 tahun di bawah program Taska Perpaduan (TSP). Kini ada sebanyak 1,781 TP dan 41 TSP di seluruh negara. Aktiviti Modul Rukun Negara juga diperkenalkan dalam program Pembelajaran dan Pengajaran di TP dan TSP dalam usaha menyemai benih-benih perpaduan diperingkat awal persekolahan agar sentiasa dijiwai dan dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.
3. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan kerjasama bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha penerapan Rukun Negara di sekolah melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) melalui penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) semenjak tahun 2004. Sehingga 30 Jun 2024, bilangan Kelab Rukun Negara (KRN) di seluruh negara adalah sebanyak 6,849 merangkumi 4,416 sekolah rendah dan 2,433 sekolah menengah. Manakala penubuhan

Sekretariat Rukun Negara (SRN) sehingga Jun 2024 adalah sebanyak 189 SRN.

4. Pada tahun lepas, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan supaya sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah dan IPT.
5. Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, Kementerian telah melancarkan inisiatif Explorasi Rukun Negara yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Aspirasi inisiatif ini adalah untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah melaksanakan pelbagai program penghayatan Rukun Negara seperti berikut :
 - i. Eksplorasi Rukun Negara
 - ii. Simposium Pendidikan Rukun Negara Prasekolah
 - iii. Pendidikan Perpaduan di Kelas Tabika Perpaduan
 - iv. Pendidikan Rukun Negara di Kelas Tabika Perpaduan
 - v. Kem Anak Malaysia
 - vi. Kenali Budaya Kita
 - vii. Program Raja Kita Payung Kita
 - viii. Debat Perpaduan
 - ix. Jelajah Belia Rukun negara
 - x. Diskusi Perpaduan: Chit Chat Belia

xi. Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa

6. Kementerian sentiasa menekankan dan memberikan fokus kepada agenda pengukuhan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda. Antara inisiatif baharu yang akan diusahakan oleh Kementerian dan JPNIN adalah:

- **Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan** - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan meneliti cadangan menjadikan Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan
- **Lafaz Ikrar Rukun Negara**- Kementerian akan berbincang dan kerjasama dengan semua Kerajaan Negeri agar Ikrar Rukun Negara turut dilafazkan secara penuh ketika pembukaan penggal di Dewan Undangan Negeri.
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara** - bagi mendedahkan dan memperkenalkan modul pendidikan Rukun Negara di peringkat pendidikan awal kanak-kanak khususnya di prasekolah KPM, Tadika KEMAS dan Tadika Swasta.
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara** – akan dilaksanakan dengan penglibatan 188 SRN seluruh negara
- **Modul Penghayatan Rukun Negara**- dibangunkan dan diaplikasikan di 6 buah zon negeri bagi membentuk kemenjadian Belia Menjiwai Rukun Negara.

- **Jelajah Belia Rukun Negara** - dijadualkan pelaksanaan bermula bulan Julai hingga Disember 2024 di seluruh negara melibatkan 1,200 peserta. Majlis *softlaunch* dijadualkan pada Julai 2024 di Zon Tengah. Aktiviti seperti **Bicara Rukun Negara: Menjiwai Rukun Negara, Pemekaan Rukun Negara serta Interaktif dan Inovasi Penghayatan Rukun Negara.**
 - **PLKN 3.0** – Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan bagi menyediakan modul kenegaraan dan jati diri bagi PLKN 3.0.
7. Rukun Negara perlu dihayati dan difahami bersama-sama Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tunjang kepada perpaduan dalam kepelbagaian etnik, kaum dan agama. Penghayatan Rukun Negara bukan sahaja menyuntik semangat patriotisme, malah turut menyuburkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN

TARIKH : 31 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN 8

YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara dan adakah kewujudan Tabika Perpaduan ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Tabika Perpaduan sejak tahun 1976. Sehingga kini terdapat 1,781 kelas Tabika Perpaduan di seluruh Malaysia dengan jumlah muridnya seramai 35,450 murid.
2. Sejar dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada bulan Mac 2020, konsep Tabika Perpaduan telah dimantapkan dengan memberi penumpuan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan Nilai-Nilai Murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun.
3. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif membangunkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021 - 2030** yang dilancarkan pada 24 Julai 2021. Pelan ini memberi fokus kepada **penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid** seawal usia 4 hingga 6 tahun.
4. Kementerian juga telah membuat penambahbaikan dan memperkenalkan program-program baharu dalam memastikan pemupukan perpaduan agar sentiasa dihayati dan dijiwai bermula di peringkat awal persekolahan. Antara program yang dilaksanakan adalah:

- i. **Program Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara:**
Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan tersebut, **Buku Pendidikan Rukun Negara** telah diperkenalkan.
 - ii. **Program Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni:**
Program yang berasaskan **elemen perpaduan dan nilai murni menerusi setiap buku aktiviti** yang diterjemahkan menerusi gambar-gambar seperti masyarakat berbilang kaum, pakaian tradisional dan alatan permainan tradisional.
 - iii. **Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa:**
Pengajaran asas **Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan dan Bahasa Iban** juga diperkenalkan di Tabika Perpaduan bagi memberi pendedahan kepada murid tentang asas komunikasi Bahasa kaum-kaum utama di Malaysia.
5. Kementerian akan terus melipatgandakan usaha pemupukan perpaduan dalam menyemai benih-benih perpaduan bermula di peringkat awal persekolahan dalam memastikan kelestarian keharmonian, kemakmuran sentiasa terpelihara dalam komuniti. Selain itu juga, usaha mempertingkatkan kualiti Tabika Perpaduan di laksanakan secara inklusif bagi memastikan semua murid berpeluang untuk menerima pendidikan yang berkualiti dan menepati matlamat bagi menyemai dan memupuk semangat perpaduan.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

BILANGAN TABIKA PERPADUAN

BIL.	NEGERI	BILANGAN TABIKA PERPADUAN
1	SELANGOR	181
2	SABAH	142
3	SARAWAK	172
4	JOHOR	206
5	PERAK	164
6	PAHANG	126
7	PULAU PINANG	116
8	TERENGGANU	72
9	KEDAH	107
10	KELANTAN	107
11	NEGERI SEMBILAN	120
12	WP KUALA LUMPUR	132
13	MELAKA	64
14	PERLIS	37
15	WP PUTRAJAYA	10
16	WP LABUAN	25
JUMLAH		1,781

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)

SOALAN 30

YB Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah serta peratusan belia dan wanita yang dipilih sebagai pengerusi Rukun Tetangga di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhan Rukun Tetangga pada tahun 1975, Rukun Tetangga telah memainkan peranannya sebagai pemacu dalam komuniti kejiranan terutamanya dalam membantu membangunkan komuniti setempat dalam aspek pengukuhan semangat kejiranan, keselamatan, pembelajaran sepanjang hayat, ekonomi komuniti serta kesejahteraan hidup komuniti.
2. Sehingga kini terdapat sebanyak 8,438 Rukun Tetangga di seluruh negara. Di bawah struktur Rukun Tetangga, terdapat enam kelompok utama iaitu Tunas Muda, Jiran Muda, Jiran Wanita, Warga Emas, Skim Rondaan Sukarela dan Skuad Uniti yang menjadi penggerak utama aktiviti berasaskan pembangunan komuniti.
3. Ketika ini, terdapat seramai 612 orang Pengerusi Rukun Tetangga daripada golongan wanita iaitu 7.25% dan seramai 171 orang Pengerusi Rukun Tetangga terdiri daripada golongan belia bersamaan 2.03%. Namun demikian, golongan wanita dan belia turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (AJKRT) melalui jawatan-jawatan yang lain.
4. AJKRT dipilih dalam kalangan penduduk yang menetap dalam kawasan Rukun Tetangga tersebut melalui mesyuarat yang dilaksanakan secara terbuka setiap dua (2) tahun sekali.

5. Dalam usaha memastikan penglibatan komuniti secara inklusif, maka Kementerian telah menetapkan pelantikan AJKRT adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:
- i. Kepelbagaian kaum dalam komuniti setempat.
 - ii. Sekurang-kurangnya 30% adalah wanita.
 - iii. Sekurang-kurangnya 30% berumur antara 18 tahun hingga 35 tahun.
 - iv. Tempoh pelantikan dihadkan kepada tidak lebih daripada tiga (3) penggal berturut-turut (setiap penggal adalah selama dua (2) tahun).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN

TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)

SOALAN 8

YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan Tadika Perpaduan di luar bandar Negeri Sarawak terutamanya di daerah Belaga dan apakah kriteria yang diperlukan untuk membina sebuah Tabika Perpaduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini terdapat 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh Malaysia dan di mana sebanyak 172 buah Tabika Perpaduan adalah di Sarawak. Secara dasarnya penubuhan Tabika Perpaduan adalah di bandar dan juga pinggir bandar. Ketika ini, tiada sebarang Tabika Perpaduan sedia ada di Daerah Belaga. Walau bagaimanapun, terdapat 8 buah Tabika Perpaduan di Bahagian Kapit dengan jumlah seramai 163 murid.
2. Kementerian Perpaduan Negara sangat prihatin dan berusaha untuk menambah bilangan Tabika Perpaduan baharu khususnya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi bagi menampung keperluan semasa dan mempunyai kepelbagaian etnik.
3. Kajian awal di seluruh negara telah dilaksanakan menunjukkan bahawa terdapat keperluan permintaan untuk menubuhkan Tabika Perpaduan sebanyak 42 buah kelas seluruh negara. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan mengemukakan permohonan peluasan penubuhan 10 Tabika Perpaduan baharu dalam permohonan Bajet 2025.
4. Penubuhan Tabika Perpaduan adalah mengikut keperluan dan permintaan penduduk dan keutamaan pembukaan Tabika Perpaduan adalah dalam kawasan pelbagai kaum. Walau bagaimanapun, sekiranya kawasan tersebut tidak mempunyai kanak-kanak daripada pelbagai kaum, Tabika Perpaduan boleh

ditubuhkan atas permintaan penduduk dan keperluan menyediakan perkhidmatan pendidikan dan untuk memastikan tiada kanak-kanak yang tercicir menerima pendidikan yang berkualiti. Berikut adalah merupakan **kriteria pembukaan Tabika Perpaduan**:

- i) Minimum 200 unit rumah / kediaman atau 500 penduduk dalam kawasan cadangan penubuhan.
 - ii) Mempunyai premis yang sesuai dan selamat (Kapasiti keluasan kelas memuatkan minimum 25 orang kanak-kanak).
 - iii) Kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai etnik.
 - iv) Bilangan kanak-kanak yang berumur empat (4) tahun hingga enam (6) tahun dalam kawasan tersebut.
5. Kementerian Perpaduan Negara juga sentiasa mengalu-alukan permohonan dari pihak Ahli Parlimen, pemimpin tempatan dan komuniti bagi penubuhan Tabika Perpaduan yang diangkat melalui Pejabat Perpaduan Daerah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA
BIN MD RAMLI**

TARIKH : 30 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN 57

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program dan usaha yang disusun oleh Kementerian untuk melibatkan anak muda dalam dialog antara agama bagi menjadi pemangkin perpaduan antara agama negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) komited dalam memastikan pelaksanaan inisiatif yang digerakkan adalah meliputi semua peringkat lapisan masyarakat termasuklah generasi muda. Bagi memastikan generasi pewaris negara ini akan menjadi pemangkin perpaduan antara agama, KPN melibatkan **generasi muda dalam menggerakkan agenda keharmonian antara penganut agama khususnya di bawah inisiatif Harmoni MADANI** yang telah **dilancarkan pada 27 April 2024**. Inisiatif ini adalah usaha ke arah mengukuhkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia.
2. Antara **pendekatan utama** yang dilaksanakan dalam inisiatif Harmoni MADANI ialah **wacana ilmu** yang merupakan perkongsian maklumat seperti dasar-dasar kerajaan, kajian dan penerokaan ilmu, tatacara dan amalan terbaik (*best practice*) dalam menguruskan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, budaya dan agama. Perkongsian disampaikan menggunakan pendekatan wacana yang santai dan harmoni, meliputi dialog, seminar, persidangan atau forum yang turut melibatkan tokoh-tokoh terkemuka dalam dan luar negara yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran berkaitan dengan perpaduan dan keharmonian beragama.
3. Sehingga Jun 2024, Kementerian telah melaksanakan beberapa **siri wacana seperti dialog, forum dan bual bicara** iaitu:

Bil.	Perkara	Tarikh Pelaksanaan	Penyertaan
1	Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang. “Kepelbagaian dan Perbezaan Bukan Halangan Memupuk Perpaduan Masyarakat”.	9 Mac 2024	1,000 orang
2	Bual Bicara Harmoni MADANI “Faham, Hormat dan Terima: Prinsip Asas Pengukuhan Integrasi Nasional dan Keharmonian Masyarakat Malaysia”.	27 April 2024	500 orang
3	<i>International Interfaith Peace and Harmony Forum</i> Anjuran Persatuan Dhammaduta Malaysia (BMSM) dan Amitabha Group Malaysia dengan kerjasama KPN.	8 Jun 2024	300 orang
4	Dialog Harmoni Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. “Adat Tradisi Sebagai Jati Diri Rakyat Malaysia”	29 Jun 2024	250 orang

4. KPN juga akan meneruskan pelaksanaan **wacana yang telah dirancang antaranya di Sabah pada September 2024**. Pelaksanaannya bagi memastikan objektif mengukuhkan perpaduan dan keharmonian akan dapat dipertingkatkan khususnya melalui penyertaan generasi muda.
5. Selain itu, KPN turut menggerakkan penglibatan generasi muda secara bersasar melalui beberapa platform utama kementerian antaranya **Kelab Rukun Negara (KRN)** dan **Sekretariat Rukun**

Negara (SRN) yang ditubuhkan di sekolah dan Universiti melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Sehingga kini terdapat sebanyak **6,849 KRN** dan **189 SRN** di seluruh negara.

Jadual 1: Kelab Rukun Negara

BIL.	NEGERI	SK	SJKC	SJKT	SR (SWASTA)	JUMLAH SK	SMK	SM (SWASTA)	JUMLAH SM	JUMLAH KRN
1	SELANGOR	349	80	55	-	484	273	-	273	757
2	SABAH	301	35	-	-	336	220	-	220	556
3	SARAWAK	178	38	-	-	216	192	-	192	408
4	JOHOR	557	152	64	-	773	266	-	266	1,039
5	PERAK	249	50	33	-	332	263	-	263	595
6	PAHANG	304	56	32	-	392	200	-	200	592
7	PULAU PINANG	149	67	21	-	237	130	-	130	367
8	TERENGGANU	290	10	-	-	300	151	-	151	451
9	KEDAH	279	48	27	-	354	206	-	206	560
10	KELANTAN	280	12	1	-	293	174	-	174	467
11	NEGERI SEMBILAN	150	38	23	-	211	126	1	127	338
12	WP KUALA LUMPUR	143	42	15	1	201	101	1	102	303
13	MELAKA	131	33	18	-	182	77	-	77	259
14	PERLIS	63	10	1	-	74	30	-	30	104
15	WP PUTRAJAYA	14	-	-	-	14	12	-	12	26
16	WP LABUAN	15	2	-	-	17	10	-	10	27
JUMLAH		3,452	673	290	1	4,416	2,431	2	2,433	6,849
%		78	15	7	-	100	100	-	100	

Jadual 2: Sekretaiat Rukun Negara

BIL.	NEGERI	IPTA	IPTS	POLITEKNIK	KOLEJ MATRIKULASI	KOLEJ KOMUNITI	INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)	JUMLAH SRN
1	SELANGOR	5	15	3	1	6	1	31
2	SABAH	2	1	2	-	4	4	13
3	SARAWAK	-	-	2	1	4	4	11
4	JOHOR	3	1	3	2	5	2	16
5	PERAK	2	3	2	1	6	1	15
6	PAHANG	2	-	2	2	5	1	12
7	PULAU PINANG	2	-	2	1	3	2	10
8	TERENGGANU	5	1	3	-	1	2	12
9	KEDAH	2	2	2	4	6	2	18
10	KELANTAN	2	1	2	1	1	1	8
11	NEGERI SEMBILAN	1	1	2	1	5	2	12
12	WP KUALA LUMPUR	1	8	-	-	-	3	12
13	MELAKA	1	2	2	1	4	1	11
14	PERLIS	2	1	1	1	1	1	7
15	WP LABUAN	-	-	-	1	-	-	1
16	WP PUTRAJAYA	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		30	36	28	17	51	27	189
%		16	19	15	9	27	14	100

6. Seterusnya penglibatan generasi muda melalui **Yayasan Sukarelawan Siswa** dalam pelbagai aktiviti terus dipergiatkan. Sehingga Jun 2024 terdapat pelbagai aktiviti yang telah digerakkan melibatkan golongan ini antaranya seperti persidangan Meja Bulat, Masa Depan Muda, Masa Depan Malaysia; Program Pembangunan Koperasi Melalui Pembangunan Modal Insan; dan Bengkel Pembangunan Modul Kem Anak Malaysia serta banyak lagi aktiviti yang telah dilaksanakan (**Lampiran Maklumat Tambahan**).

7. Usaha untuk melibatkan kelompok lapisan masyarakat ini dilaksanakan dengan pelbagai pendekatan antaranya **pendekatan promosi** melalui **pelbagai medium media sosial**, **kerjasama dengan agensi-agensi** tertentu untuk menggalakkan penyertaan generasi muda seperti Kementerian Belia dan Sukan, Universiti-Universiti tempatan dan juga Pertubuhan-Pertubuhan Belia dan Agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN

TARIKH : 29 JULAI 2024 (ISNIN)

SOALAN 63

YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha-usaha pihak Kerajaan bagi memastikan masyarakat menghayati prinsip Rukun Negara sebagai kaedah praktikal dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan keharmonian hidup damai bersama dalam komuniti yang berbilang kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dasar Perpaduan Negara adalah dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “**Perpaduan dalam Kepelbagaian**” untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.
2. Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia Madani sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional. Program-program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia Madani ini akan menelusuri ke seluruh pelosok negara dari bandar ke desa, dari prasekolah ke institusi pendidikan tinggi dan dari pemimpin ke akar umbi dalam usaha memberi pengetahuan dan kefahaman yang menyeluruh.
3. Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada dua bahagian iaitu 5 cita-cita dan 5 prinsip. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara kemudiannya telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional. Falsafah atau ideologi nasional ini terus kekal sebagai panduan dan tonggak negara (Pillars of Nation) yang akan diterapkan dalam semua bidang dan kegiatan.

4. Antara strategi-strategi Kementerian Perpaduan Negara dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan orang ramai terhadap kebudayaan Rukun Negara adalah seperti berikut:
 - i. Meningkatkan literasi pemahaman dan penghayatan Perlembagaan dan Rukun Negara;
 - ii. Meningkatkan pemahaman dan penghayatan Sejarah Malaysia;
 - iii. Mengukuhkan integrasi nasional;
 - iv. Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan;
 - v. Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik;
 - vi. Membentuk masyarakat dengan nilai murni berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia;
 - vii. Mengukuhkan peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan.
5. Pada tahun lepas, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan supaya sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah dan IPT. Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, Kementerian telah melancarkan inisiatif Explorasi Rukun Negara yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Aspirasi inisiatif ini adalah untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia.

6. Selain itu, tahun ini juga mencatatkan sejarah apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara turut melafazkan Ikrar Rukun Negara secara penuh buat pertama kalinya di dewan yang mulia. Sebagai pemimpin tidak mengira politik, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberi teladan baik dalam mengamalkan nilai perpaduan dan keharmonian. Dengan berdiri bersama dalam bacaan lafaz ikrar, kita menunjukkan kepada rakyat bahawa perpaduan adalah landasan utama untuk kejayaan negara.
7. Usaha-usaha mempromosi dan menerapkan penghayatan Rukun Negara turut giat dikembangkan di peringkat IPT platform SRN. Sehingga kini, terdapat sebanyak 189 buah SRN yang berdaftar di kampus-kampus IPT di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 30 buah SRN berdaftar di IPTA, manakala 36 buah SRN di IPTS, 28 di Politeknik, 17 di Kolej-kolej matrikulasi, 51 di kolej komuniti dan 27 di kampus-kampus IPG. Dalam usaha untuk menyemarakkan pelaksanaan aktiviti SRN, mulai tahun ini Kementerian telah memberikan peruntukan sebanyak RM 3000 kepada semua SRN untuk melaksanakan Eksplorasi Rukun Negara di peringkat IPT.
8. Kementerian sentiasa menekankan dan memberikan fokus kepada agenda pengukuhan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda. Antara inisiatif baharu yang akan diusahakan oleh Kementerian dan JPNIN adalah:
 - **Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan** - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan

meneliti cadangan menjadikan Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan.

- **Lafaz Ikrar Rukun Negara-** Kementerian akan berbincang dan kerjasama dengan semua Kerajaan Negeri agar Ikrar Rukun Negara turut dilafazkan secara penuh ketika pembukaan penggal di Dewan Undangan Negeri.
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara** - bagi mendedahkan dan memperkenalkan modul pendidikan Rukun Negara di peringkat pendidikan awal kanak-kanak khususnya di prasekolah KPM, Tadika KEMAS dan Tadika Swasta.
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara** – akan dilaksanakan dengan penglibatan 188 SRN seluruh negara.
- **Modul Penghayatan Rukun Negara-** dibangunkan dan diaplikasikan di 6 buah zon negeri bagi membentuk kemenjadian Belia Menjiwai Rukun Negara.
- **Jelajah Belia Rukun Negara** - dijadualkan pelaksanaan bermula bulan Julai hingga Disember 2024 di seluruh negara melibatkan 1,200 peserta. Majlis *softlaunch* dijadualkan pada Julai 2024 di Zon Tengah. Aktiviti seperti **Bicara Rukun Negara : Menjiwai Rukun Negara, Pemekaan Rukun Negara serta Interaktif dan Inovasi Penghayatan Rukun Negara.**

- **PLKN 3.0** – Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan bagi menyediakan modul kenegaraan dan jati diri bagi PLKN 3.0.
9. Rukun Negara perlu dihayati dan difahami bersama-sama Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tunjang kepada perpaduan dalam kepelbagaian etnik, kaum dan agama. Penghayatan Rukun Negara bukan sahaja menyuntik semangat patriotisme, malah turut menyuburkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA,
PENGGAJ KETIGA
PARLIMEN KELIMA
BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN 5

Tuan William Leong Jee Keen minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memupuk keharmonian di antara komuniti agama dan apakah cabaran yang dihadapi bagi merealisasikan hasrat ini, terutamanya apabila mengambil kira ketidakharmonian yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang yang memberi perhatian mendalam tentang situasi keharmonian di antara komuniti agama dalam negara ini. Kita seharusnya menerima kepelbagaian sebagai satu kekuatan dan bukannya sebagai penghalang. Dasar Perpaduan Negara sendiri adalah dasar payung yang menunjukkan usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'.
2. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memupuk keharmonian di antara komuniti agama adalah seperti berikut. Pertama, menubuhkan **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** yang berperanan sebagai platform penting dalam menangani dan mengelakkan ketegangan di dalam masyarakat melalui perbincangan secara tertutup dan berhemah bagi mencapai konsensus atau kata sepakat antara badan-badan agama terhadap isu-isu sensitif. Disamping itu, ia juga berperanan untuk mengetengahkan pandangan atau cadangan yang konstruktif kepada Kerajaan. Ahli Jawatankuasa Harmoni ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin badan agama dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Agama.
3. Kedua, bagi tujuan menyemarakkan keharmonian beragama, Kementerian telah melancarkan **Inisiatif Harmoni MADANI 2024**

yang bertujuan menyebarkan prinsip asas integrasi nasional iaitu FAHAM, HORMAT dan TERIMA dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Terdapat sembilan (9) program utama yang dilaksanakan dengan kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Diantara program-program tersebut adalah Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Penganut Pelbagai Agama, Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week*), Dokumentari Harmoni, Persidangan Pemimpin-pemimpin Agama Antarabangsa dan Iftar MADANI.

4. Ketiga mewujudkan **Mediator Komuniti (MK)** bagi mengurus isu-isu perpaduan di peringkat komuniti khususnya yang membabitkan isu-isu kejiwaan. Perkhidmatan mediasi di bawah Kementerian boleh diakses dengan menghubungi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di semua peringkat negeri dan daerah di seluruh Malaysia melalui Pusat Mediasi Komuniti (PMK). Ketika ini, Kementerian mempunyai seramai 571 MK bertauliah dan terlatih yang bersedia memberikan perkhidmatan secara 'pro bono' atau percuma kepada komuniti setempat.
5. Keempat, pemantauan isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui **Sistem e-SEPAKAT** yang dibangunkan sejak tahun 2010. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kementerian mengambil tindakan intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden yang berlaku dengan menggunakan Kaedah atau Gerak Kerja 5P merangkumi pelaksanaan program-program berbentuk Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Pembinaan Keupayaan.

Tuan Yang DiPertua,

6. Kementerian sememangnya menyedari bahawa di dalam menguruskan isu-isu perpaduan ini, tidak dapat tidak, terdapat cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi. Kepelbagaian kaum, agama dan budaya, ketidakseimbangan sosio ekonomi antara wilayah dan ledakan teknologi maklumat terutamanya media sosial merupakan cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi.
7. Namun demikian, Kementerian tidak menjadikan cabaran-cabaran ini sebagai satu alasan untuk tidak menggembeleng usaha dan tenaga menyatupadukan rakyat melalui pelbagai langkah-langkah yang telah disebutkan sebentar tadi.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. SESI PERJUMPAAN YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA SABAH *UNITY IN DIVERSITY COMMUNITY PARTNERS* (SUIDCP)

PERKARA	PERINCIAN
Tarikh	15 September 2024
Tempat	Dewan Sri Pasupathinath Aalayam Kota Kinabalu, Sabah
VIP	1. YB Dato' Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara 2. YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara 3. Dato' Haji Che Roslan bi Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Penglibatan	Sekretariat Sukarelawan SUIDCP berikut: 1. Christian Organizations Sabah Alliance (COSA) 2. Community Empowerment Initiative Sabah (CEI) 3. Gabungan Dakwah Malaysia (GDM) Cawangan Sabah 4. IKRAM Sabah 5. Malaysia Hindi Sangam (MHS) Sabah State Council 6. Sabah Council of Churches 7. Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation Malaysia (Kota Kinabalu Liaison Office)
Tujuan	1. Ucapan amanat YB Menteri Perpaduan dan sumbangan peruntukan Geran pelaksanaan aktiviti perpaduan NGO. 2. Perkongsian oleh SUIDCP berhubung aktiviti Pelancaran dan Penghasilan Filem

	Dokumentari “KITA – <i>Sabah Celebrating Diversity</i> ” secara tempatan tentang realiti, nilai, dan aspirasi rakyat Sabah dalam menerima, merayakan, dan memelihara kepelbagaian budaya di Sabah dan kerjasama pelbagai NGO dalam mengukuhkan perpaduan dan keharmonian.
--	---

2. KUNJUNGAN YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE PUSAT HARMONI (HARMONICO) PULAU, PINANG.

PERKARA	PERINCIAN
Tarikh	9 Mac 2024
Tempat	Pusat Harmoni Negeri Pulau Pinang (HARMONICO)
VIP	YB Dato’ Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara
Penglibatan	YB Lim Siew Kim Pengerusi HARMONICO dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang, Lembaga Pengarah HARMONICO dan wakil-wakil pelbagai pertubuhan keagamaan
Tujuan / Pengisian	1. Lawatan ke pusat HARMONICO 2. Sesi perbincangan bersama tertumpu kepada perkongsian inisiatif-inisiatif KPN dan penglibatan kerjasama daripada HARMONICO dalam memperkasakan agenda perpaduan.

3. KUNJUNGAN YB MENTERI PERPADUAN BERSAMA MAJLIS PERUNDINGAN MUHIBBAH NEGERI PULAU PINANG

PERKARA	PERINCIAN
Tarikh	9 Mac 2024
Tempat	Dewan Bangunan PEMENANG Pulau Pinang
VIP	YB Dato' Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara
Penglibatan	Ahli Jawatankuasa daripada 21 pertubuhan / persatuan Etnik di Pulau Pinang yang menganggotai Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang (MPMNPP)
Tujuan / Pengisian	1. Ucapan perasmian dan majlis ramah mesra 2. Sesi dialog harmoni bersama YB Menteri Perpaduan Negara dengan ahli-ahli MPMNPP berhubung perkongsian maklumat berkenaan pengukuhan keharmonian dan perpaduan masyarakat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN 9

Tuan Zahari bin Kechik minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini. Apakah jenis program yang efektif, yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negeri ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas perhatian yang diberi terhadap tahap perpaduan semasa di negara ini dan program-program yang dirancang bagi mengeratkan perpaduan oleh Kementerian Perpaduan Negara.
2. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) merupakan indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunakan bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.
3. Kajian IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Nilai skor IPNas bagi tahun 2022 ialah 0.629, iaitu peningkatan sebanyak 0.062 berbanding nilai skor IPNas bagi tahun 2018 iaitu pada tahap 0.567.
4. Skor ini membawa maksud situasi perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal. Kajian IPNas seterusnya akan dilaksanakan pada tahun ini dengan sasaran nilai skor adalah pada tahap 0.7 bagi tahun 2025.

Tuan Yang DiPertua,

5. Berdasarkan kepada hasil kajian IPNas pada tahun 2022 tersebut, Kementerian telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
6. Dalam hal ini, Kementerian telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia Madani sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional melalui pelaksanaan tiga (3) kluster program iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
7. Perincian bagi tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:

i. Semarak Kenegaraan

Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara. Antara program-program utama adalah seperti Eksplorasi Rukun Negara dan Raja Kita Payung Kita.

ii. Semarak Perpaduan

Pelaksanaannya bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Antara program-program utama adalah seperti Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024 di Plaza Angsana, Johor Bahru, Liga Sukan UNITI 2024, Foodunities: Ini Warisan Kita Peringkat Negeri 2024 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Peringkat Negeri 2024.

iii. Komuniti Rahmah

Program-program yang dirancang khusus bagi membina komuniti yang mampan dan sejahtera khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Antara program-program utama adalah seperti Pemerkasaan KRT Progresif yang melibatkan 152 buah KRT terpilih sebagai Model Komuniti Progresif, Pemerkasaan Mediator Komuniti yang terdiri daripada 571 Mediator Komuniti bertauliah di seluruh negara, Pusat Tuisyen KAMI yang melibatkan 370 kelas tuisyen dengan 3,414 pelajar B40 di kawasan KRT terpilih dan Bakul RAHMAH yang merangkumi 11,530 orang penerima.

8. Sepanjang tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi-agensi di bawahnya serta rakan-rakan strategik telah berjaya melaksanakan lebih 600 program meliputi tiga (3) kluster seperti yang dinyatakan tadi.

9. Pelaksanaan program-program di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini dilihat telah memberikan impak positif di dalam memupuk perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama, budaya dan adat resam. Ia juga selari dengan prinsip asas integrasi nasional yang menekankan konsep **FAHAM, HORMAT** dan **TERIMA**.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Perincian IPNas

Melalui hasil kajian IPNas 2018, Kementerian telah bangunkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) pada tahun 2021 yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang mengandungi tiga teras utama iaitu:

- (i) **Peningkatan jatidiri dan semangat cintakan negara;**
- (ii) **Pengukuhan tapak integrasi dan interaksi sosial; dan**
- (iii) **Pemantapan ekosistem dan tadbir urus perpaduan.**

Melalui kajian IPNas 2022, empat (4) konstruk atau indikator mempengaruhi **tahap kesepaduan sosial** yang diuji iaitu:

(i) **Tahap Keetnikan**

Kecenderungan terhadap keterikatan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

(ii) **Hubungan Sosial Rentas Etnik**

Jalinan hubungan sosial yang berlaku merentasi etnik.

(iii) **Etos Bangsa (Jati Diri)**

Keterikatan emosi dan sejarah sosial yang dikongsi bersama dalam Perlembagaan, tadbir urus dan pembangunan bagi menjamin kesepaduan hingga lahir semangat patriotisme dan nasionalisme yang melangkau etnik agama dan wilayah.

(iv) **Tadbir Urus dan Pembangunan**

Pelaksanaan proses mengurus dan membangun negara oleh pihak yang berkuasa.

Berdasarkan Analisis Peta Prestasi Kepentingan (*Important- Pformance Map Analysis*), dapatan IPNas 2022 telah menunjukkan **dua (2) indikator yang perlu diberi perhatian** bagi mengukuhkan lagi tahap perpaduan di negara ini, iaitu **hubungan sosial rentas etnik** serta **tadbir urus dan pembangunan**.

Perincian Program Di Bawah Kluster Semarak Perpaduan

1. Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Peringkat Negeri Tahun 2024

Program ini telah dilaksanakan pada minggu pertama bulan Februari dengan mengambil kira sebagai Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia seperti yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2010 oleh Raja Abdullah II dari Jordan. Program ini telah dilaksanakan di negeri iaitu Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang serta Wilayah Persekutuan Labuan (Peringkat Kebangsaan).

Objektif pelaksanaan program Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia adalah untuk mengukuhkan usaha semua kumpulan antara agama melakukan kerja positif dengan satu tema di bawah keharmonian beragama; mengukuhkan perpaduan, integrasi nasional dan memantapkan identiti Nasional melalui persefahaman antara agama berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara penganut agama sedunia.

Kaedah pelaksanaan program turun padang pemimpin menyantuni penganut agama dalam beberapa kawasan yang melibatkan kawasan luar rumah ibadat (masjid, tokong, gereja, kuil, gudwara dan Wat Siam yang berdekatan dalam sesuatu kawasan. Pemberian Tiffin Perpaduan (Mangkuk Tingkat) sebagai simbolik Keharmonian dan muhibah antara agama semasa kunjungan ke rumah-rumah ibadat.

2. Dialog Harmoni

Program ini dilaksanakan sebagai langkah intervensi dalam pegurusan isu agama dengan menyediakan ruang, peluang serta suasana yang merancang kepada pemimpin dan masyarakat untuk saling berinteraksi melalui program dan aktiviti yang dianjurkan oleh kementerian, menyampaikan mesej kasih sayang, perpaduan dan kerjasama dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan yang telah dikecapi dan mengukuhkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai budaya dan agama yang mencirikan kepelbagaian etnik.

Program ini dilaksanakan secara berfasa di tiga (3) buah negeri iaitu Pulau Pinang pada 9 Mac 2024, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertarikh 29 Jun 2024 dan Sabah pada 17 Ogos 2024.

3. Dokumentari Jejak Harmoni

Dokumentari Jejak Harmoni ini adalah satu idea terbaharu kementerian yang menonjolkan kisah realiti kehidupan rakyat Malaysia yang hidup dalam kepelbagaian kaum dan agama. Rakaman dokumentari yang memaparkan keharmonian antara masyarakat yang berlainan agama di lokasi tumpuan iaitu di beberapa rumah ibadat yang terletak berhampiran antara satu sama lain di beberapa negeri.

Lokasi penggambaran dilakukan di enam (6) buah negeri iaitu Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah, Miri, Sarawak, Marang, Terengganu, Johor dan Pulau Pinang. Selepas suntingan dan semakan video dokumentari ini akan disiarkan di semua platform media sosial Kementerian Perpaduan Negara dan akan disiarkan di RTM.

4. Podcast Bicara Harmoni

Program Podcast Bicara Harmoni ini adalah satu wawancara berkonsepkan rakaman digital audio dan video yang disiarkan di media sosial. Program Podcast ini dikategorikan di bawah Kluster Semarak Perpaduan iaitu program flagship di bawah Kembara Perpaduan dan salah satu daripada program dalam Inisiatif Harmoni Madani. Podcast Bicara Harmoni ini adalah salah satu program intervensi sosial bagi meningkatkan interaksi antara masyarakat berbilang kaum dan agama, mengukuhkan sikap saling memahami, hormat-menghormati dan menerima kepelbagaian serta perbezaan ini sebagai satu kekuatan Rakyat Malaysia. Podcast ini menampilkan hos dan panelis jemputan berlainan agama serta kaum yang terdiri daripada wakil persatuan belia pelbagai agama, golongan profesional seperti peguam, doktor, ahli akademik, artis dan pempengaruh media sosial. Topik-topik yang dibincangkan mengikut perspektif budaya, adat dan tradisi masing-masing. Antara topik yang dibincangkan seperti **Kasih Sayang Antara Penganut Agama, Nilai Dalam Memupuk Perpaduan Dan Keharmonian, Keunikan Dan Kepelbagaian Makanan, Pakaian Dan Cabaran Gaya Hidup Moden serta Adat Tradisi Sebagai Jati Diri Rakyat Malaysia.**

Komuniti Rahmah

Program yang dirancang bagi membina komuniti yang mampan dan sejahtera khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Antara program-programnya adalah seperti berikut:

- a) Pemerkasaan KRT Progresif (melibatkan 152 buah KRT terpilih sebagai Model Komuniti Progresif);
- b) Pemerkasaan Mediator Komuniti (terdiri daripada 564 Mediator Komuniti yang bertaualiah di seluruh Malaysia);
- c) Pusat Tuisyen KAMI (370 kelas tuisyen, 3,414 pelajar B40 di kawasan KRT terpilih); dan
- d) Bakul RAHMAH (merangkumi 11,530 penerima).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA PARLIMEN KE-15
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

SOALAN 699

Tuan Manndzri bin Nasib minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakan jumlah Tabika Perpaduan bagi tempoh 2019 hingga kini dan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan kewujudan Tabika Perpaduan di setiap pelusuk daerah serta lokaliti bagi memastikan agenda perpaduan dipupuk dalam kalangan generasi muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan tiada sebarang keciciran bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun untuk menerima pendidikan separa formal iaitu pendidikan awal kanak-kanak. Dalam tempoh 2019 sehingga kini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di bawah Kementerian Perpaduan Negara mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara dengan jumlah anggaran murid seramai 37,000 orang.
2. Adalah menjadi hasrat JPNIN untuk memperluaskan lagi pembukaan Tabika Perpaduan pada masa akan datang berikutan permintaan yang tinggi dan keperluan semasa masyarakat berbilang kaum serta memenuhi aspirasi Kerajaan memastikan pendidikan percuma pada peringkat prasekolah. Dengan menggunakan pendekatan “***whole of government approach***”, JPNIN sedang meneroka kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberi nilai tambah kepada pengajaran dan pembelajaran murid-murid melalui penerapan pendidikan yang berasaskan elemen perpaduan dan kenegaraan dalam memastikan nilai-nilai murni serta semangat perpaduan dipupuk di awal usia lagi.

3. Antara inisiatif Tabika Perpaduan yang dilaksanakan bagi memastikan agenda perpaduan dipupuk dalam kalangan generasi muda adalah seperti berikut:

- i. **Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara.**

Tujuannya adalah memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di peringkat awal usia kanak-kanak. Murid Tabika Perpaduan diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian dan meraikan kepelbagaian kaum yang ada dalam persekitaran mereka.

- ii. **Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai di Tabika Perpaduan**

Memberi pendedahan kepada murid tentang asas komunikasi bahasa kaum-kaum utama di Malaysia. Pengajaran Bahasa yang dilaksanakan adalah seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil bagi Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan, Bahasa Kadazan bagi Tabika Perpaduan di Negeri Sabah dan Bahasa Iban bagi Tabika Perpaduan di Negeri Sarawak.

- iii. **Buku Aktiviti Perpaduan**

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berasaskan elemen perpaduan dan nilai murni diterjemahkan menerusi penggunaan buku aktiviti yang mengandungi pengisian seperti gambar-gambar masyarakat berbilang kaum, pakaian tradisional dan alatan permainan tradisional. Buku-buku tersebut adalah seperti Buku Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik Awal, Sains Awal dan Pendidikan Moral.

4. JPNIN sentiasa memastikan agenda pemupukan perpaduan dan pengintegrasian masyarakat antara kaum sejak usia muda bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu ditekankan.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

BILANGAN TABIKA PERPADUAN DAN JUMLAH MURID TABIKA PERPADUAN DUN TENGGARA

BIL	NAMA TABIKA	KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK						BILANGAN MENGIKUT JANTINA						JUMLAH BESAR	PERATUS KEHADIRAN KANAK-KANAK DALAM		AKTIVITI LUAR TABIKA	
								L			P				TABIKA SEDIA ADA	TABIKA DASAR BARU 1999	BIL AKTIVITI	BIL PESERTA
		M	C	I	KDZ	IB	MYNMR	4 THN	5 THN	6 THN	4 THN	5 THN	6 THN					
1	TABIKA PERPADUAN ZON 3 TAMAN ANGGERIK TENGGARA	15	0	1	0	0	0	2	1	5	3	1	4	16	80%		6	55
2	TABIKA PERPADUAN ZON 6 TAMAN ANGGERIK	22	0	0	0	0	0	4	1	4	0	9	4	22	86.1%		6	50
3	TABIKA PERPADUAN ZON 7 TAMAN SRI SAUJANA	25	0	2	0	0	0	7	5	1	0	6	8	27	60%		7	135
4	TABIKA PERPADUAN ZON 6 TMN SRI SAUJANA	22	0	0	0	0	0	3	6	7	3	3	1	22	80%		4	50
5	TABIKA PERPADUAN KOTA MAS	19	0	0	0	0	0	2	2	4	1	6	4	19	60%		8	270
JUMLAH		103	0	3	0	0	0	18	15	21	7	25	21	73			31	440

PETUNJUK

M : Melayu L : Lelaki
 C : Cina P : Perempuan
 I : India
 KDZ : Kadazan

* Peratus kehadiran seperti dalam Buku Rekod Kedatangan Kanak-kanak Tabika bagi suku tahun yang lain.

** Bilangan aktiviti dan jumlah penyertaan kanak-kanak, ibubapa dan anggota masyarakat sejak awal tahun.

**DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA,
PENGGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN 4

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah dasar atau pendekatan baru yang sedang dirancang oleh Kementerian untuk memperkukuhkan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Bagaimanakah Kementerian memastikan dasar ini relevan dan berkesan dalam menghadapi cabaran sosial dan budaya yang semakin kompleks.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian telah menggubal Dasar Perpaduan Negara (DPN) pada tahun 2021 yang merupakan dokumen utama Kementerian dalam merangka halatuju agenda perpaduan nasional. Dokumen Dasar yang dihasilkan ini adalah selari dengan Kerangka MADANI yang menekankan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.
2. Bagi menterjemahkan DPN kepada bentuk pelaksanaan program, maka Kementerian telah menghasilkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 yang memberi panduan menyeluruh kepada Kementerian bagi membangunkan masyarakat yang lebih inklusif dan bersatu padu melalui konsep 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'. Ia juga memberi fokus kepada usaha Kerajaan di dalam memperbaiki hubungan antara kaum, mempromosikan integrasi nasional dan menangani isu-isu perkauman melibatkan pelaksanaan program dan aktiviti rentas kementerian dan agensi.
3. Selain daripada DPN dan PTPN ini, Kementerian juga akan menggunakan pendekatan baru iaitu '*A Whole-Of-Nation Approach*' sebagai asas memperkukuhkan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya. Konsep ini merujuk kepada penglibatan dan komitmen yang jitu dari semua pihak, bukan sahaja Kerajaan, tetapi juga dari pihak swasta, badan bukan

kerajaan (NGOs) dan rakyat keseluruhannya dalam memupuk perpaduan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

4. Kementerian sememangnya menyedari bahawa di dalam menguruskan isu-isu perpaduan ini, tidak dapat tidak, terdapat cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi. Kepelbagaian kaum, agama dan budaya, ketidakseimbangan sosio ekonomi antara wilayah dan ledakan teknologi maklumat terutamanya media sosial merupakan cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi.

5. Namun demikian, Kementerian tidak menjadikan cabaran-cabaran ini sebagai satu alasan untuk tidak menggembeleng usaha dan tenaga menyatupadukan rakyat. Justeru, konsep 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian' dan pendekatan '*A Whole-Of-Nation Approach*' telah dan akan terus diaplikasikan dalam semua gerak kerja, program dan aktiviti Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya.
6. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah memperkenalkan **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** sebagai Program *Flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional melalui pelaksanaan tiga (3) kluster program iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah** dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
7. Perincian bagi tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - i. **Semarak Kenegaraan**

Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara. Antara program-program utama adalah seperti Eksplorasi Rukun Negara, Raja Kita Payung Kita, Debat Perpaduan, Kem Perpaduan Anak Malaysia, Diskusi Perpaduan: Chit Chat Belia, Semarak Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

ii. Semarak Perpaduan

Pelaksanaannya bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Antara program-program utama adalah seperti Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2024, Liga Sukan UNITI 2024, Foodunites: Ini Warisan Kita Peringkat Negeri 2024 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Peringkat Negeri 2024.

iii. Komuniti Rahmah

Program-program yang dirancang khusus bagi membina komuniti yang mampan dan sejahtera khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Antara program-program utama adalah seperti Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan 2024, Jom Ronda: Skim Rondaan Sukarela (SRS) Putrajaya 2024 dan Karnival Ekonomi KRT 2024.

8. Sepanjang tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara bersama agensi-agensi di bawahnya serta rakan-rakan strategik telah berjaya melaksanakan lebih 300 program meliputi tiga (3) kluster seperti yang dinyatakan tadi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI**

TARIKH : 16 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkasakan Sekretariat Rukun Negara sebagai ejen memerangi polarisasi kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rukun Negara merupakan falsafah perpaduan yang menjadi panduan hidup rakyat Malaysia dalam membina sebuah negara yang harmoni dan bersatu padu. Matlamat serta prinsip-prinsip Rukun Negara merupakan asas utama bagi mencapai keharmonian dan perpaduan etnik, yang menjadi landasan kepada kestabilan dan kejayaan Malaysia. Rukun Negara terdiri daripada bahagian Mukadimah yang menggariskan lima (5) cita-cita dan lima (5) Prinsip Rukun Negara.
2. Cita-cita Rukun Negara adalah asas penting dalam membina negara Malaysia yang bersatu padu, adil, dan harmoni. Melalui perpaduan, kita menghargai kepelbagaian kaum dan budaya, mengukuhkan semangat saling menghormati serta bekerjasama demi keharmonian nasional. Prinsip demokrasi memastikan kebebasan bersuara, hak asasi, dan penglibatan rakyat dalam sistem pemerintahan yang telus. Keadilan menjadi teras kepada peluang yang saksama untuk semua rakyat tanpa diskriminasi. Liberalisasi pula mendorong keterbukaan dalam menerima idea-idea baharu demi kemajuan negara. Kesopanan dan kesusilaan menegaskan kepentingan adab, etika, dan nilai-nilai murni dalam kehidupan masyarakat. Bersama, cita-cita ini membentuk asas kukuh untuk membina Malaysia yang makmur dan dihormati di persada dunia.

3. Rukun Negara menggariskan lima prinsip asas untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Kepercayaan kepada Tuhan menegaskan kepentingan agama sebagai asas kehidupan, manakala Kesetiaan kepada Raja dan Negara mengukuhkan taat setia kepada Raja sebagai lambang perpaduan dan kedaulatan negara. Keluhuran Perlembagaan memastikan Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi dihormati, sementara Kedaulatan Undang-Undang menjamin keadilan melalui penguatkuasaan undang-undang yang adil tanpa diskriminasi. Akhir sekali, Kesopanan dan Kesusilaan mendorong hubungan harmoni dengan menanam nilai budi pekerti dan hormat-menghormati dalam kalangan rakyat.
4. Memandangkan peri pentingnya Ideologi Rukun Negara dipasakkan dalam jiwa rakyat Malaysia, maka **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Julai 2023** telah **meluluskan supaya lafaz ikrar Rukun Negara kini dibaca penuh bermula dengan mukadimah, diikuti lima (5) prinsip Rukun Negara di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara** sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.
5. Sejak tahun 2022, penerapan Pendidikan Rukun Negara telah dimulakan di peringkat awal persekolahan bagi kanak-kanak Tabika Perpaduan. Usaha ini bertujuan menyemai benih perpaduan yang dihayati dan dibudayakan dalam kehidupan seharian. Selain membaca ikrar Rukun Negara, kanak-kanak Tabika Perpaduan turut diberi pendedahan mengenai maksud setiap prinsip Rukun Negara melalui amalan harian.

6. Semangat patriotisme dan jati diri pula terus diperkasa melalui literasi Perlembagaan dan Rukun Negara yang diterapkan melalui Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institut Pengajian Tinggi. Sehingga kini, sebanyak 6,849 KRN dan 189 SRN telah ditubuhkan.
7. Kementerian mengakui isu polarisasi etnik merupakan cabaran yang serius kerana ia boleh menjejaskan keharmonian masyarakat, kestabilan politik, dan kemajuan negara secara keseluruhan. Oleh itu, ia memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai pihak, termasuk kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil, dan individu, untuk menangani punca-punca perpecahan, mengukuhkan pemahaman antara budaya, serta mempromosikan nilai-nilai perpaduan dan toleransi di semua peringkat kehidupan rakyat Malaysia.
8. Justeru, Kementerian melalui Sekretariat Rukun Negara di seluruh negara komited dalam meneruskan usaha untuk merapatkan jurang polarisasi etnik melalui pelbagai inisiatif strategik bagi menggalakkan interaksi yang lebih erat dan harmoni dalam kumpulan mahasiswa yang berlainan etnik, budaya, dan agama.
9. Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program di bawah **Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu Ekplorasi Rukun Negara (ERN)**. Inisiatif ini merupakan usaha memperkasakan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian mahasiswa.

10. Majlis Pelancaran Eksplorasi Rukun Negara telah dilaksanakan pada 13 Ogos 2023 oleh YB Menteri Perpaduan Negara. Inisiatif ini merupakan usaha memperkasakan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Eksplorasi Rukun Negara memberi penekanan kepada empat nilai utama iaitu patriotisme dan kenegaraan; inovasi dan teknologi; kesukarelawanan; serta kepimpinan dan jati diri. Eksplorasi Rukun Negara diketengahkan dengan pelbagai pengisian dalam konteks agenda kenegaraan dan patriotisme yang bersifat segar dan terkini dengan pengisian utama bacaan penuh ikrar Rukun Negara.
11. Pemerkasaan perlaksanaan Eksplorasi Rukun Negara seterusnya dilancarkan di semua peringkat iaitu pelancaran di **peringkat sekolah pada 14 Ogos 2023** yang disempurnakan oleh kedua-dua **YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri Pendidikan**. Seterusnya di **peringkat Universiti dilancarkan pada 2 Oktober 2023** di Universiti Putra Malaysia.
12. Justeru dalam memastikan **peningkatan literasi dan penghayatan** secara lebih komprehensif terhadap **cita-cita dan prinsip Rukun Negara** Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif untuk menyemarakkan semangat perpaduan dan aspirasi pembudayaan Rukun Negara ini kepada golongan mahasiswa melalui pelaksanaan program yang berteraskan Rukun Negara. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - i. Debat Perpaduan
 - ii. Diskusi Perpaduan: Chit Chat Belia
 - iii. Jalinan Integrasi Nasional

- iv. Townhall Rukun Negara
 - v. Kempen Ikrar Rukun Negara
 - vi. Konvensyen Sekretariat Rukun Negara
 - vii. Semarak Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia
13. Kementerian Perpaduan Negara akan terus memperkasakan Sekretariat Rukun Negara bagi melahirkan generasi muda yang bersemangat patriotisme tinggi, sekaligus mempraktikkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Dalam usaha ini, penerapan konsep faham, hormat, dan terima akan menjadi teras utama untuk memastikan perpaduan dan kesepaduan sosial yang kukuh.
14. Konsep faham akan membantu generasi muda memahami kepelbagaian budaya, agama, dan etnik, manakala hormat akan mendorong penghargaan terhadap perbezaan, serta mengukuhkan nilai-nilai toleransi dalam masyarakat. Terima pula mengajak setiap individu menerima kepelbagaian sebagai kekuatan negara. Usaha ini juga berperanan merapatkan polarisasi kaum yang mungkin wujud, dengan memastikan semua lapisan masyarakat hidup dalam keharmonian dan saling bekerjasama demi kemajuan negara.

Sekian, terima kasih.

